

UCAPAN

**UCAPAN PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2014  
PERINGKAT DASAR OLEH YB DATUK SERI IDRIS BIN JUSOH  
MENTERI PENDIDIKAN II DI DEWAN RAKYAT**

**Menteri Pendidikan II [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana Pembentangan Bajet 2014 dengan tema, “Memperteguhkan Ketahanan Ekonomi, Memperkasakan Transformasi dan Melaksana Janji”. Saya mewakili Kementerian Pendidikan ingin mengucapkan terima kasih kerana sektor pendidikan telah diperuntukkan RM54.6 bilion ataupun merupakan 21 peratus daripada jumlah bajet keseluruhannya yang menggambarkan betapa pentingnya komitmen kerajaan untuk membangunkan modal insan di negara kita bermula daripada pra-sekolah sehingga ke peringkat tertiary. Saya juga berterima kasih kepada 48 orang Ahli Parlimen yang prihatin tentang pendidikan di negara kita, yang membahis isu-isu berkaitan Kementerian Pendidikan. Saya akan cuba sebaik-baiknya untuk menjawab semua soalan-soalan dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh semua Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya akan menggunakan 5 pendekatan, 5 kategori:

- a) transformasi pendidikan negara,
- b) pembangunan modal insan,
- c) teknologi maklumat,
- d) komunikasi,
- e) pembangunan fizikal dan juga sektor pengajian tinggi negara.

Jadi, mungkin soalan-soalan, pandangan-pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat itu akan dikategorikan dalam 5 kategori ini. Bersabarlah, mungkin saya jawab mengikut kategori dan bukan mengikut pandangan-pandangan setiap Ahli Yang Berhormat.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Marang, Merbok, Rantau Panjang, Tebrau, Kluang dan Ayer Hitam ada bertanya tentang penggabungan dua kementerian, Kementerian Pelajaran dahulu dan juga Kementerian Pendidikan Tinggi. Ini merupakan sebenarnya sekali lagi menggambarkan keprihatinan kerajaan yang melihat pendidikan sebagai peneraju utama membangun modal insan negara. Jadi, kesepaduan hubungan ini akan mewujudkan satu kesepaduan yang lebih, yang berpaksikan kepada falsafah pendidikan kebangsaan yang memastikan peningkatan keberkesanan, yang berpaksikan agar tidak wujudnya sempadan di antara sekolah dan universiti ataupun kita katakan wujudnya intergrasi tanpa sempadan. Kalau kita lihat penggabungan ini banyak universiti telah turun ke padang. Katakanlah dalam program melaksanakan program bahasa Inggeris. Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Teknologi Mara (UiTM), program-program kejuruteraan yang diadakan di sekolah-sekolah oleh Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), program-program *brain science* oleh Universiti Sains Malaysia (USM), program-program keusahawanan di sekolah-sekolah dibantu oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Ini menggambarkan bahawa penyatuan ini memberi banyak kebaikan kepada sekolah-sekolah dan juga bahagian tertiary keseluruhannya. Ada juga penggabungan bahagian-bahagian di dalam kementerian di mana Bahagian ICT, Bahagian Komunikasi dan banyak lagi bahagian lain dapat disepadukan yang akan mengurangkan penggunaan wang kerajaan.

Yang Berhormat daripada Ayer Hitam, Yang Berhormat Sandakan dan Yang Berhormat Bukit Bendera ada menyentuh tentang PPPM ataupun Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Sebenarnya syukur Alhamdulillah, dua hari yang lalu di UNESCO di Paris semasa

dalam Program *Gallery Walk* PPPM di ibu pejabat UNESCO, Ketua pengarah UNESCO, Dr. Irina Georgieva Bokova telah memuji Malaysia melaksanakan inisiatif PPPM menjadikan Malaysia sebagai contoh baik dan ia boleh diaplikasi dan berguna bagi negara anggota UNESCO yang lain. Ini dikatakan dua atau tiga hari yang lalu. Alhamdulillah, mengatakan bahawa PPPM ini insya-Allah akan membawa sistem pendidikan negara ke arah yang lebih sempurna yang lebih baik. Yang Berhormat tadi juga menyatakan bahawa tentang ujian PISA dan TIMSS. Kita faham dan kita mengakui bahawa ada kejatuhan keputusan peperiksaan PISA dan TIMSS beberapa tahun yang lalu. Akan tetapi sebab itulah kerajaan telah mengambil pendekatan untuk memastikan bahawa penambahbaikan berlaku dalam bidang pedagogi pendidikan, dalam bidang pendidikan yang berorientasikan kemahiran aras tinggi ataupun *Higher Order Thinking Skill* (HOTS) dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, memberikan bahan-bahan yang lengkap untuk memastikan sistem pendidikan kita menjadi satu sistem pendidikan yang lebih baik.

Yang Berhormat daripada Sipitang juga ada bertanya tentang untuk mewujudkan sekolah satu sesi seluruh negara. Insya-Allah, ini menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan sekolah satu sesi ini menjadi satu sekolah yang wujud di seluruh negara. Kalau kita lihat sekarang ini masih wujud 1,427 buah sekolah dua sesi ataupun merupakan 14 peratus daripada jumlah sekolah-sekolah seluruh daripada. Akan tetapi ini merupakan angka yang lebih kecil jika dibandingkan dengan angka 1,577 buah sekolah pada tahun 2011. Bermakna telah lebih 100 buah sekolah dua sesi telah dijadikan satu sesi sejak tahun 2011 hingga kepada tahun 2013 masa kini.

Yang Berhormat daripada Pengerang bertanya tentang sama ada sekolah sukan akan dibawa di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Sebenarnya kita memahami kehendak Yang Berhormat Pengerang tetapi kita hendak pastikan agar pendidikan berkualiti dan sempurna akan dapat dicapai oleh semua pelajar. Bukan hanya mereka perlu menjadi atletik yang jaguh dan yang cemerlang di peringkat dunia tetapi juga kita hendak pastikan mereka juga mendapat pendidikan yang berkualiti dan sempurna. Contohnya kita lihat pemenang pingat gangsa Olimpik, Pandelega Rinong merupakan seorang pelajar Sekolah Sukan Bukit Jalil. Penerjun ini dan sekarang sedang mengikuti pendidikan sukan di Universiti Putra Malaysia (UPM). Inilah contoh-contoh yang kita harap akan dapat dilahirkan pada masa-masa akan datang. Kementerian pendidikan akan terus bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan agar program-program sukan ini akan dapat dicemerlangkan melalui kerjasama kedua-dua buah kementerian tersebut.

Kita lihat ada juga yang bertanya tentang pembangunan Modal Insan iaitu Yang Berhormat daripada Sandakan, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan Yang Berhormat Marang. Sebenarnya saya hendak beritahu di sini bahawa banyak kejayaan telah dicapai melalui sekolah-sekolah asrama penuh dan sekolah-sekolah yang mana kemudian ini telah ada program-program sekolah yang berprestasi tinggi.

Kita lihat, Kolej Tunku Kurshiah telah memenangi *gold award* acara keseluruhan pada tahun 2012 di *The Force European Exhibition of Creativity and Innovation* di Romania, Sekolah Kebangsaan (P) Methodist, Kuantan juga memenangi *gold award*. Saya bilang di sini semua yang menang *gold* sahaja. Pingat emas sahaja. Pingat gangsa kita tidak beritahu kerana banyak sangat. Sekolah (P) Methodist Kuantan memenangi *Second, Eco Iconia Conference* 2012 di Taichung City Taiwan, Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putera, Perlis juga memenangi *Gold Award 2012 International Youth Invention Exhibition* di Tainan juga di Taiwan, Sekolah Menengah Sains Wilayah Persekutuan memenangi tiga pingat emas di *International Biomedical Olympiad* di Singapura, Sekolah Menengah Sains Sultan Muhammad Jiwa, Sungai

Petani memenangi anugerah emas 2013 dalam *European Exhibition of Creativity and Innovation* di Romania, Sekolah Menengah Sains Hulu Selangor memenangi anugerah *Best International Team Award 2013* dalam pertandingan *National First Formula One (F1)* di United Kingdom (UK) dan banyak lagi kejayaan sekolah-sekolah sejak kita melaksanakan program PPPM dan juga sejak kita melaksanakan program-program untuk meningkatkan lagi kecemerlangan...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tahniahlah kepada sekolah-sekolah yang telah mendapat anugerah di peringkat antarabangsa. Soalan saya ialah adakah paten intelektual yang ada dibuat kejayaan pelajar-pelajar kita ini dipelihara dan dipupuk untuk menjadi saintis negara pada masa akan datang? Ini kerana pengalaman kita bila kita lihat Zulkifli Harun, banyak inovasi yang dia sudah buat melalui alat-alat reka ciptanya sejak daripada tahun 1980-an tapi malangnya hasil-hasil yang dibuatkan itu seolah-olah macam tidak ada erti kepada negara. Persoalan saya, saya harapkan supaya segala bentuk penemuan, inovasi yang dibuat oleh anak-anak kita sehingga dapat anugerah di peringkat antarabangsa supaya pihak kerajaan dapat pelihara dan dapat menjadikan mereka sebagai aset kepada negara untuk pada masa akan datang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Sebenarnya memang begitulah kehendak kita. Saudara Zulkifli Harun memang saya kenal beliau dan memang sentiasa kita hubungi dan dia sentiasa menyertai dalam program-program dan juga ekspo-ekspo yang dilaksanakan oleh kementerian. Insyallah, kita akan melihat bagaimana kita boleh memastikan Saudara Zulkifli Harun akan dapat dipupuk dan pastikan - seperti yang lain dan ramai lagi sebenarnya Yang Berhormat yang perlu kita pupuk dan yang mungkin tidak ada nama lagi sekarang ini yang kita laksanakan untuk pastikan mereka bukan hanya memenangi kemenangan-kemenangan dan kejohanan-kejohanan di peringkat negara tetapi juga di peringkat antarabangsa. Itulah saya baca tadi sebahagian daripadanya untuk memastikan mereka terus berkembang, mereka terus maju di peringkat-peringkat bukan hanya dalam negara kita tetapi juga dalam peringkat antarabangsa, keseluruhannya.

Yang Berhormat dari Sandakan bertanya tentang mata pelajaran sejarah. Memang kita telah wajibkan pada tahun ini di peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) agar semua pelajar kita mengetahui mata pelajaran sejarah kerana mata pelajaran sejarah ini mustahak. Ini kerana kita tidak mahu ada di antara warganegara kita yang tidak tahu bentuk bendera pun tidak tahu, tunggang langgang sekali, bawah naik atas, atas naik bawah dan tidak tahu bila kemerdekaan. Jika ini berlaku akan wujud kepincangan dalam kita memahami kehebatan-kehebatan, kemenangan-kemenangan yang telah diperolehi dan apa juga kerjasama yang telah dibuat oleh nenek atau bapa kita yang terdahulu untuk memastikan kesejahteraan dan juga memastikan negara kita terus aman dan tenteram. Sebenarnya Surat Pekeliling Ikhtisas sudah dikeluarkan

sejak tahun 1976 lagi yang mana program-program keagamaan ini boleh dilaksanakan di sekolah-sekolah. Akan tetapi kita juga mengatakan bahawa isu-isu itu perlu ditangani dengan baik agar sensitiviti antara kaum dan saling hormat-menghormati itu akan dapat dilaksanakan dengan baik.

Apa yang popular ditanya oleh ramai Ahli Yang Berhormat ialah tentang PBS ataupun Pentaksiran Berdasarkan Sekolah yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Tebrau, Yang Berhormat daripada Kota Bharu, Yang Berhormat daripada Kuala Krai, Yang Berhormat daripada Kinabatangan, Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Batu Pahat dan juga sekali lagi Yang Berhormat Kota Bharu yang bercakap tentang beban guru, isu PBS. Kita faham sebenarnya di dalam proses untuk memantapkan lagi program-program di sekolah untuk dalam proses untuk kita melihat sekolah-sekolah ditambah baik. Wujud keghairahan di kalangan pengarah-pengarah ataupun pendidik-pendidik untuk memastikan ada program-program baru. Ini menyebabkan ada 22 sistem semuanya yang sedang ada yang run interlard dengan izin di kementerian yang harus kita sepadukan.

Sebab itulah insya-Allah, kita telah membuat satu percubaan untuk mengintegrasikan semua sistem yang ada di kementerian ini. Kita harap cikgu-cikgu tidak perlu lagi mempunyai masalah tentang kelambatan untuk memasukkan data-data sehingga tunggu tengah malam, sehingga ada suami marah sedikit malam-malam kerana masih lagi memasukkan data dalam komputer. Insya-Allah, kita memberi *assurance*, dengan izin bahawa sebelum masuk tahun 2014 nanti semua 22 modul itu akan dapat kita integrasikan agar dapat berjalan dengan baik. Bukan itu sahaja, kita sedang melaksanakan Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) tambahan di setiap sekolah yang sehingga kini telah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pendang bangun. Sila.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri minggu lalu, dia mengatakan bahawa hendak menyelesaikan masalah ini akan ditempatkan dua orang pembantu. Soalnya bukan pembantu yang diperlukan tetapi seluruh sistem itu dikatakan tidak berkesan. Contohnya, apabila guru itu memasukkan data itu, dia terpaksa balik ke main menu. Kemudian masuk data dan balik semula. Kalau ada sepuluh pun, sepuluh orang hendak masuk, mungkin mengambil masa 20 minit. Jadi ini, sistem yang ada di kementerian itu yang harus diperbetulkan dan harus diperbaharui. Kalau ini boleh diberi jaminan oleh pihak kementerian, barulah beban guru ini akan berkurangan. Guru-guru tidak ada masalah hendak bekerja itu tetapi macam Yang Berhormat katakan tadi, bangun jam 2 pagi itu memang ada. Jam 2 pagi dia bangun untuk memasukkan data-data itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik sekali.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya melihat PBS sebenarnya untuk kebaikan pelajar-pelajar di mana kalau kita tengok cikgu dahulu pun tetap ada peperiksaan setiap bulan. Kita cuma dahulu catat dalam *record book*. Saya rasa masalah yang paling besar ialah macam mana Kementerian Pendidikan kena berunding dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Telekom untuk besarkan jalur lebarnya. Ini masalahnya *start* daripada pagi sampai ke malam tidak boleh masuk bila kita hendak isi rekod. Bermaksud, kita hendak buat benda yang baik tetapi dalam masa yang sama antara kementerian mesti ada pelarasan untuk memastikan yang kata sistem tadi, sebab

akhirnya rakyat di luar seolah-olah mengharapkan PBS ini satu benda yang baru tetapi sebenarnya PBS inilah penilaian baru yang kita akan beri kepada pelajar-pelajar yang mana Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) akan dimansuhkan. Maknanya tidak salah PBS ini. Masalahnya ialah sistem itu sahaja. Jadi minta kementerian menerangkan kepada rakyat dan juga kepada guru-guru sebenarnya yang mereka complain payah hendak mengisi rekod. Terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Sekali, Yang Berhormat Menteri. Boleh? Sedikit sahaja. Saya dimaklumkan juga... Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga dimaklumkan oleh guru-guru bahawa sistem *time-based* yang sedang diamalkan untuk kenaikan pangkat ini mungkin akan di review balik. Kalau ini benar, kononnya akan digunakan KPI. Antara KPI yang akan ditinjau ialah bagaimana *performance* guru dalam melibatkan diri dalam PBS ini. Jadi yang menjadi kekhuatiran kita ialah disebabkan oleh sistem PBS yang tidak begitu berfungsi, akhirnya KPI guru akan menurun. Akibat KPI ini menurun juga guru-guru yang tidak bernasib baik ini tidak akan mendapat pangkat, tidak mendapat kenaikan dan *performance* mereka akan dilihat sebagai tidak cemerlang oleh disebabkan sistem. Apa pendapat Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sebenarnya kita perlu melihat lebih awal lagi mengapa adanya PBS. Seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Gerik tadi, memang PBS ini diwujudkan kerana apabila kita menilai sistem pendidikan kita, banyak aduan yang mengatakan sistem kita terlalu berorientasikan kepada peperiksaan. Oleh itu, kita perlu berpindah kepada satu sistem yang bukan hanya menilai pelajar-pelajar kita dari segi pencapaian akademik mereka tetapi juga pencapaian mereka dalam bidang kokurikulum, kemampuan mereka untuk berkomunikasi, kemampuan mereka dalam bahasa-bahasa yang tertentu terutamanya dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan lain-lain lagi. Sebab itulah kita mewujudkan satu sistem yang dikatakan sistem PBS untuk mengurangkan peperiksaan. Memang saya katakan daripada mula tadi bahawa ada kelemahan-kelemahan kerana dalam *obsession* kitalah dengan izin, untuk mewujudkan satu sistem yang baru ini, kita mewujudkan hingga 22 buah modul yang berasingan yang kita sedar tentang perkara tersebut.

Sebenarnya tak mahulah, kita pun kasihan juga kalau guru-guru sampai pagi pun tak boleh masuk kata Yang Berhormat Gerik tadi, jadi senyum dia pula. Memang tak dikatakan bahawa objektifnya tidak betul, objektifnya insya-Allah betul kerana inilah kehendak-kehendak yang wujud tapi cara pelaksanaannya. Sebab itulah kita nak pastikan bahawa saya katakan tadi insya-Allah sebelum awal tahun hadapan, akhir tahun ini, sistem-sistem ini akan diintegrasikan. Ini masalah besar sebenarnya, semua sistem komputer untuk diintegrasikan. Kita akan pastikan, kita akan memperluaskan akses, kita akan melebarkan *gateway*, kita akan meningkatkan jalur lebar sekolah-sekolah agar isu-isu ini akan tidak kedengaran lagi. Memang saya dengar dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Parlimen yang melihat bahawa ini isu dan perkara yang penting dan memang kita mengambil berat agar ianya dapat diatasi dengan cara yang cepat dan memang betul pembantu tadbir tidak boleh menyelesaikan segala-galanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sibuti bangun. Ya, sila.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, apabila kita mengatakan sistem kita ini mesti diperluas dan diberi *gateway* lebar, saya kurang berkeyakinan apabila sekolah kita di luar bandar yang belum ada *electricity*, bagaimanakah mereka hendak melebar dan memperluaskan sistem komputer yang ada di kawasan kita yang menggunakan *generator shelves*. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat, saya akan sampai ke jawapan untuk ICT lepas daripada ini. Itu jawapan, ini saya bercakap tentang PBS tadi agar kita lebih faham bahawa kita sedar dan kita terima kasihlah kerana bila saya balik dari Parlimen, saya beritahu pegawai-pegawai, beritahu kepada Ketua Setiausaha (KSU) bahawa Ahli-ahli Parlimen ini rasa *concern* dengan anak-anak buah di kampung-kampung, membawa pandangan mereka dan ini merupakan satu isu yang hangat dibentangkan bukan hanya di Parlimen tetapi apabila kita mengadakan mesyuarat di peringkat kementerian. Juga yang sentiasa diungkitkan ialah berhubung dengan jurang kualiti guru bandar dan luar bandar, adakah galakan diberi kepada guru-guru yang belajar di luar bandar ini diungkit oleh Yang Berhormat Sibuti. Sememangnya ada insentif kepada guru-guru di luar bandar mengikut kejauhan mereka daripada bandar. Ada yang mendapat elaun sehingga RM1,500, RM1,000 dan RM500 sebenarnya dan juga mereka juga diberi peluang untuk lebih mudah sambung belajar dan juga kita menggalakkan anak tempatan berkhidmat di tempat kelahiran mereka.

Sebenarnya ingin saya mengatakan di sini bahawa kita ada masalah di kementerian kerana guru-guru yang memohon untuk bertukar. Ini juga satu perkara yang hebat, yang hari-hari saya mendapat surat pertukaran kerana kita lihat tidak ada perimbangan di antara perjawatan dan guru-guru daripada negeri-negeri. Saya nak beri contoh, katalah perimbangan yang paling teruk ialah di antara perjawatan dan guru-guru daripada negeri tersebut ialah di negeri Kelantan yang mana perjawatannya hanya ada 28,048 tetapi guru dari negeri Kelantan sebanyak 57,740 bermakna lebih guru yang dilahirkan di Kelantan daripada perjawatan yang ada di negeri Kelantan ialah sebanyak 29,000. Ini yang paling hebat sekali sebab itulah negeri yang memang payah untuk dimasuki Yang Berhormat Gerik ya, ialah negeri Kelantan. Juga untuk negeri Kedah katakanlah, perjawatan guru hanya 29,809. Ini untuk negeri Kedah tetapi orang Kedah yang menjadi guru ialah 40,298 iaitu kelebihan 10,000. Negeri saya sendiri, negeri Terengganu perjawatan 19,878. Guru yang daripada negeri Terengganu ialah 29,910 juga merupakan 10,000. Saya sendiri pun ada masalah kerana ramai orang nak balik Besut. Itu pun orang kata ini apa Ahli Parlimen ini tak boleh balik, jadi Ahli Parlimen Menteri pun tak boleh balik juga. Kerana inilah, isu besar dan ramai lagi masalah di Besut ialah ramai orang Kelantan. Tak boleh balik Kelantan, singgah di Besut. Lagi masalah timbul. Dan memang...

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanah Merah bangun.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ya, sila.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Isu guru jugalah, bila Yang Berhormat Menteri sentuh Kelantan yang paling lebih guru yang terlampau, paling tinggi. Memanglah sebagai wakil rakyat ini kita pening kepalalah, orang datang, setiap kali kita balik kawasan tak pernah mesti ada permohonan minta tolong untuk tukar. Jadi, apakah saya mengharapkan pihak kementerian dapatlah mencari langkah atau jalan supaya isu-isu seperti suami isteri berpisah, ada yang duduk di Sarawak seorang

duduk di Semenanjung supaya kita dapat menghindarkan isu-isu. Apabila duduk jauh ini kita fahamlah, boleh berlaku isu-isu perceraian, isu-isu Mahkamah Syariah dan sebagainya. Jadi harapan saya, pihak kementerian dapat mencari jalan bukan sahaja di Kelantan juga di Terengganu, Kedah kerana kita tahu memang isu guru ini memang sukarlah nak mencari satu mekanisme yang boleh menyelesaikan tetapi mungkin ada jalan. Kalau yang dihantar ke Sabah dan Sarawak itu macam tadi bagi insentif. Mungkin insentif yang cukup menarik di mana kalau mereka yang di Semenanjung ditukar atau dihantar ke Sabah dan Sarawak mungkin boleh saya bagi cadangan bagi satu jumlah yang menyebabkan mereka tak mahu mengajar balik ke negeri sendiri, mereka nak terus mengajar di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tak habis lagi jawab tadi berhubung dengan guru-guru yang memang tinggal berasingan kerana satunya kerana terutamanya daripada negeri-negeri tadi yang ada masalah yang terlalu banyak guru daripada negeri-negeri tersebut tetapi juga kita lihat di sini ada lebih kurang 16,000 guru-guru yang masih tinggal berasingan. Saya, dahulu pun bila saya masuk di sini, di Parlimen saya memberikan komitmen inilah perkara yang saya hendak selesaikan tetapi sehingga kini saya masih melihat dengan keadaan-keadaan ini bukan satu perkara yang senang sebab bilangannya adalah lebih tidak seimbang.

Sebab itulah kebelakangan ini kita nak pastikan agar guru-guru diambil daripada negeri-negeri yang kurang guru lagi supaya tak timbul isu-isu ini tapi takut orang Kelantan marah pula takut kurang ambil guru sebelah Kelantan. Ini pun satu hal juga sebenarnya tapi kita akan memberi pertimbangan dan juga opsyen-opsyen guru-guru pengajar mengajar bidang apa ianya akan dilengkapkan. Apakah kekurangan setiap negeri agar isu pertukaran ini akan dapat kita selesaikan dengan lebih baik. Ia akan memakan masa dan saya harap mendapat kerjasama daripada Ahli-ahli Parlimen, Yang Berhormat-Yang Berhormat agar cuba tenangkan sedikit isu ini. Saya pun bila balik, bukan hanya Yang Berhormat tapi saya pun bila balik kampung orang Machang, orang Tanah Merah semua datang jumpa saya juga tak habis-habis untuk pertukaran guru.

Ada Yang Berhormat Bukit Bendera mengatakan tentang prestasi pendidikan yang merosot. Sebenarnya itulah, kita nak mengatakan bahawa kita sedang mengambil langkah-langkah untuk memastikan kita mentransformasikan IPG atau Institut Pendidikan Perguruan untuk memastikan ianya lebih baik. Sebab itulah saya pernah memberitahu dalam Parlimen dan dalam Dewan ini bahawa guru-guru sekarang ini minimumnya perlu mendapat 6A dan sekarang ini guru-guru yang kita terima memasuki IPTA dan IPG sekurang-kurangnya adalah 7A sebenarnya. Itu permohonan memasuki, itu bukan sekatan tetapi memang itulah permohonan-permohonan dan kita lihat *cut of point* kita dengan izin memang kita lihat bilangan guru yang lebih hebat yang insya-Allah akan memastikan pendidikan kita terus cemerlang pada masa-masa yang akan datang. Memang dahulu...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang tertarik dengan kenyataan itu tadi. Dengan markah yang tinggi 6A, 7A kemudian diambil untuk masuk ke universiti. Adakah selain daripada markah, kriteria yang lain yang digunakan kerana bukan sahaja dengan markah yang tinggi seseorang itu boleh menjadi guru yang baik, yang komited, yang *dedicated*. Tidak, tidak dan apakah kriteria yang lain yang digunakan. Kadang kala Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat sedar, apabila kita menghantar guru misalnya selepas latihan, guru bahasa. Bila dia hantar ke sekolah didapati memang tidak dapat menjalankan tugas dengan baik kerana kualiti yang kurang.



**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ingatkan panjang lagi tadi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, yang Berhormat ini bagus juga kadang-kadang. Ini kerana memang bila kita memilih guru... [Disampuk] Kadang-kadanglah. Apabila kita memilih guru memang kelayakan akademik bukan segala-galanya. Kita juga membuat *aptitude* keguruan pemohon, melihat adakah dia betul-betul berminat untuk menjadi cikgu. Kita juga melihat kemampuan mereka dalam bidang-bidang yang lain. Minat nombor satu. Antaranya untuk memastikan yang menjadi guru itu bukan hanya untuk memenuhi keperluan kerja mereka tetapi mereka memang minat.

Sebenarnya kalau kita pilih guru yang memang berminat untuk menjadi guru banyak masalah dapat diselesaikan. Kita juga melihat kemampuan-kemampuan mereka dalam bidang-bidang yang lain, kokurikulum mereka, aktiviti mereka, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kita mengatakan sasaran kita ialah 30 peratus pelajar cemerlang daripada SPM. Memang itu pun jenuh pilihlah Yang Berhormat. Ramai sangat yang minta jadi cikgu ini. Jadi tidak timbul masalah mereka yang dipilih itu tidak ada kecenderungan. Kita pastikan mereka akan menjadi guru-guru yang baik tetapi asasnya begitulah. Asas-asas kita memilih mereka sekurang-kurangnya mereka merupakan sasaran 30 peratus pelajar-pelajar cemerlang SPM. Di negara-negara lain ada yang 10 peratus, ada yang 20 peratus kerana kita hendak pastikan guru menjadi kerjaya pilihan masyarakat agar yang menjadi guru itu ialah mereka yang terbaik. Yang Berhormat setuju ya? Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kepong bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Bangun lagi. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dapat kepujian Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi kerana bukan sahaja macam itu. Ini salah satu faktor. Yang lain itu termasuklah gaji dan elaun mestilah munasabah dan juga apabila dihantar ke kawasan pedalaman di situlah masalahnya timbul. Apakah kriteria yang digunakan bila kita menghantar seseorang itu sama ada mereka ada pengaruh memang tidak dihantar? Kalau hendak hantar ke pedalaman mestilah itu adil kepada semua pihak. Bukan sahaja kepada golongan yang mempunyai penaung atau penganjur yang tertentu. Misalnya di kawasan Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat itu dapati orang itu kawan atau pun anak kawan dan sebagainya, tidak payah pergi ke kawasan pedalaman. Saya berharap hal ini dapat diadakan dengan adil dan saksama.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ya. Tidak sempat lagi saya jawab satu soalan Yang Berhormat tadi berhubung dengan kualiti guru bahasa Inggeris. Itulah saya juga telah jawab di Dewan ini bahawa kita ada 40,000 orang guru-guru bahasa Inggeris untuk memastikan kualiti mereka dan kita telah pastikan mereka menduduki *Cambridge Placement Test*. Selepas peperiksaan tersebut mereka telah diberi latihan untuk memastikan semua guru bahasa Inggeris itu ialah guru yang berkualiti. Itu sedang dilaksanakan oleh kementerian. Oleh sebab itulah semua dalam pelan pembangunan pendidikan.

Kalau Yang Berhormat baca semua ada di dalam itu sebenarnya Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat belum baca lagi yang ini. Kalau Yang Berhormat tidak sempat baca yang itu, baca yang ini. Baca yang lebih besar sedikit. Kalau Yang Berhormat, saya boleh beri satu salinan kepada Yang Berhormat agar Yang Berhormat boleh memberi pandangan-pandangan yang lebih baik di masa perjalanan Dewan yang akan datang. Ini kerana saya lihat banyak komen yang saya dapat daripada mereka yang tidak langsung cuba melihat apa yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan. Bukan kita hendak menafikan bahawa kita ada kelemahan-kelemahan tetapi kelemahan-kelamahan itu sedang dilaksanakan dengan baik. Oleh sebab itulah kita mendapat pengiktirafan dari UNESCO. Kita telah mengadakan *Town Hall Meeting*, dengan izin. Kita telah menghubungi ataupun engage, dengan izin, 55,000 orang rakyat Malaysia untuk memastikan agar pelan perancangan pembangunan pendidikan Malaysia ini akan dapat dilaksanakan sebaik-baiknya.

Berhubung dengan profesional perguruan juga, ada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Sipitang dan juga Sandakan mengatakan tentang penurunan kuasa yang perlu terutamanya kepada negeri Sabah dan Sarawak. Sebenarnya inilah proses penurunan kuasa yang sedang dilaksanakan oleh kementerian dan juga kita akan memastikan ianya dapat diperkuatkan lagi agar banyak lagi keputusan-keputusan terutama kewangan akan dapat dilaksanakan di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah. Baru-baru ini peruntukan-peruntukan telah diturunkan kepada negeri-negeri dan daerah-daerah untuk memastikan agar mereka dapat melaksanakan program kecil-kecilan di peringkat daerah kurang daripada RM500,000 agar dapat diselaraskan dengan lebih cepat lagi. Yang Berhormat daripada Ayer Hitam, Sipitang, Hulu Rajang, Batu Pahat dan Bukit Bendera ada bertanya tentang ICT. Tadi ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sibuti. Yang disebut oleh Yang Berhormat Sibuti.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang diungkit tadi kerana kita lihat memang bukan semua kita faham bahawa ada kawasan-kawasan di luar bandar yang masih tidak mendapat jalur lebar yang dikatakan tersebut. Oleh sebab itulah kementerian melalui program VSAT di luar bandar akan memastikan sedang melaksanakan 1,926 VSAT atau pun *satellite disk* ini di kawasan-kawasan luar bandar dan juga 1,250 kelengkapan ICT berteknologi VGI *Thin Client* juga sedang dilaksanakan.

Memang di peringkat permulaan ini, saya juga turun ke padang. Bukan hanya di Sabah dan Sarawak, baru-baru ini di Negeri Sembilan sendiri ada sekolah-sekolah yang menyatakan bahawa mereka tidak mendapat jalur lebar sebagaimana yang dikatakan oleh kementerian iaitu sekurang-kurangnya 2 *megabyte* atau 4 *megabyte*. Kita faham sebab itu di peringkat permulaan ini, kita akan pastikan agar ianya dipertingkatkan. Ada isu-isu teknikal yang perlu diperkemas kemudian ini untuk memastikan mereka mendapat jalur lebar sebagaimana yang dijanjikan oleh kementerian.

Kita lihat di Hulu Rajang sendiri, 14 buah sekolah telah mendapat internet VCAT untuk memastikan agar tidak ada sekolah-sekolah yang ketinggalan. Saya ingin mengulangi bahawa kita akan pastikan dalam sistem ICT ini agar kita dapat memperluaskan akses, kita akan melebarkan *gateway* dan kita akan meningkatkan lagi jalur lebar. Yang Berhormat daripada Bukit Bendera ada bertanya tentang '1Murid 1Peranti' atau pun 1 Murid 1 Sukan (1S 1D). Ia sebenarnya dalam proses penelitian kaedah pelaksanaan oleh kementerian.

Berhubung dengan pembangunan fizikal kita ada lebih ramai lagi Yang Berhormat mengambil bahagian, Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kota Samarahan dan Yang Berhormat Tanah Merah yang bertanya tentang program-program di kawasan mereka masing-masing.

Sebenarnya kerajaan dari semasa ke semasa akan memastikan sebagaimana telah saya katakan tadi dalam memastikan bangunan sekolah, institut pendidikan guru, rumah guru, makmal komputer, dewan, padang sekolah dan sekolah baru akan dilaksanakan mengikut fasa-fasa tertentu, mengikut kemampuan-kemampuan yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan. Juga ada isu yang diungkit berhubung di Sabah saya ingat ini. Berhubung dengan *solar panel* yang dikatakan sudah tidak berfungsi.

Memang benar Yang Berhormat-Yang Berhormat kerana sistem *solar panel* itu telah ditukar kepada sistem *solar hibrid*. Dahulunya solar panel ini hanya digunakan untuk SchoolNet semata-mata untuk sistem komputer ICT sahaja yang mana kapasitinya kurang daripada 500 watt kerana ia hanya digunakan untuk menggerakkan ICT. Akan tetapi *solar hibrid* sekarang ini ialah satu sistem yang lebih menyeluruh yang mana mempunyai kapasiti 10 kilowatt sehingga 60 kilowatt. Di mana solar panel itu dilaksanakan bersama dengan enjin-enjin yang ada. Jika didapati bahawa bateri sudah tidak mempunyai kapasiti yang mencukupi, enjin-enjin akan digunakan untuk memastikan sekolah-sekolah tersebut. Ini bukan hanya untuk program ICT sahaja tetapi untuk sekolah tersebut dilaksanakan...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** [Bangun]

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ini ada banyak kekeliruan kerana apabila Yang Berhormat bercakap tentang *solar panel* sebenarnya kita sudah tidak lagi menggunakan program tersebut kerana kapasitinya terlalu rendah dan kita hendak pastikan...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Pencelahan.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sila.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menambah untuk kawasan di Parlimen Bagan Serai tentang kehadiran kolej komuniti yang telah dimulakan sejak dua tahun dahulu. Bangunan sepuluh pintu telah dibeli, tiga tingkat, sehingga sekarang tidak ada waran perjawatan dan pengubahsuaian dan juga peralatan nampaknya macam tidak ada perkembangan. Jadi, rakyat di kawasan Bagan Serai memang ternanti-nanti tentang kehadiran kursus yang akan dijalankan di kolej komuniti ini. Kita bimbanglah sebab sudah hampir dua tahun, bangunan ini nampak macam 'gajah putih'. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Menteri, sudah 45 minit. Sila.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat Bagan Serai, saya akan meneliti kolej komuniti di Bagan Serai dan kita akan pastikan ia dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gombak dan juga Yang Berhormat Hulu Langat, yang mana satu? Yang Berhormat Gombak atau Yang Berhormat Hulu Langat?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat Gombak dahulu, lepas itu Yang Berhormat Hulu Langat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak berkesempatan menyentuh bidang pendidikan dalam perbahasan di peringkat dasar. Namun, saya pernah bangkitkan seawal tahun 2010 berhubung pembinaan sekolah rendah dan juga sekolah menengah di Bukit Antarabangsa. Pada pertengahan tahun 2010, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor telah pun menulis surat secara rasmi kepada Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan di mana kerajaan negeri telah menawarkan empat bidang tanah yang cukup untuk membina sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Ini kerana alasan yang diberikan sebelum ini ialah kerajaan negeri tidak memberikan kerjasama kepada kementerian untuk menyiapkan tapak-tapak yang bersesuaian bagi tujuan pembinaan tersebut.

Maka pada pertengahan 2010, kerajaan negeri telah pun menawarkan empat tapak dan pada satu sesi, saya sempat berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri dalam Dewan ini tentang perancangan kementerian untuk membina sekolah rendah dan sekolah menengah di Bukit Antarabangsa. Memandangkan sekarang ini wujudnya lebih 50,000 rakyat yang tinggal dan menginap di Bukit Antarabangsa dan tidak ada satu sekolah rendah dan sekolah menengah. anak-anak sekarang terpaksa menyeberangi MRR2 untuk ke sekolah Taman Melawati, sekolah di Ulu Klang dan juga di Dato Keramat. Ini sudah tentulah menyulitkan ibu bapa dan tidak membantu prasarana yang sesuai dan kondusif untuk anak-anak kita.

Keduanya, masalah yang timbul ialah sekolah-sekolah di Taman Melewat, sama ada di Ulu Klang dan juga di Keramat telah sesak dengan jumlah pelajar melebihi 40 orang satu kelas. Maka keperluan untuk membina sekolah rendah dan sekolah menengah di Bukit Antarabangsa itu cukup mendesak. Maka sekali lagi setelah tiga tahun berlalu, boleh saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kedudukan sebenarnya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri, tentang kedudukan pembinaan sekolah rendah dan juga sekolah menengah di Bukit Antarabangsa. Ini kerana Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berjanji pada tahun 2010 akan dibina sekolah rendah dan pada tahun berikutnya akan dibina sekolah menengah. Akan tetapi malangnya, sehingga hari ini tidak ada sebarang tanda-tanda bahawa sekolah rendah dan sekolah menengah akan dibina di keempat-empat tapak yang telah ditawarkan oleh kerajaan negeri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Hulu Langat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada membangkitkan tiga sekolah di Daerah Hulu Langat yang sedang dibina iaitu Sekolah Menengah Sungai Ramal Luar, Sekolah Rendah Kebangsaan di Bandar Sunway Semenyih dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Sungai Long. Ketiga-tiga sekolah ini terlewat daripada jadual sebenarnya dan yang menjadi masalah umpamanya di Sekolah Menengah Sungai Ramal dahulu yang sekarang saya difahamkan baru keluar tender balik. Sekolah Sunway Semenyih dengan bilangan kakitangan yang kecil, bekerja sampai 12 malam dan mendapat aduan yang banyak daripada masyarakat kerana bising. Kemudian Sungai Long, saya tidak tahu kedudukannya. Oleh sebab itu saya minta penjelasan. Semuanya Yang Berhormat Menteri, kita difahamkan sama ada ia dibina melalui perunding ataupun lembaga, tidak melalui Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Jabatan Kerja raya (JKR) dan juga Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Kita bincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah, PPD maklum umpamanya Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sungai Long, dia tidak tahu. Ini yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat daripada Gombak, permohonan itu akan saya semak kerana Yang Berhormat baru bangkitkan, saya tidak membuat persiapan untuk menjawab soalan tersebut. Sebenarnya banyak lagi sekolah-sekolah yang dimohon sebelum daripada ini, sekolah di Sabah dan Sarawak yang memang agak terpencil, yang jauh, yang mana memerlukan perjalanan sehingga setengah hari yang perlu juga diberi perhatian. Walau bagaimanapun, kerajaan akan melihat bahawa keperluan-keperluan itu akan dilihat mengikut kepentingan setempat. Yang Berhormat daripada Hulu Langat mengatakan tentang Sekolah Menengah Sungai Ramal yang sudah di tender semula, jadi sudah tidak ada masalah. Sekolah Sunway Semenyih yang bising, insya-Allah kita akan pastikan dan kita akan pantau agar perkara ini akan dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya. Sebenarnya ada beberapa...

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Nanti sekejap. Saya hendak habiskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lanang. Boleh Menteri beri laluan?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sekejap, saya hendak habiskan yang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap ya Yang Berhormat Lanang.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sekejap. Sekolah-sekolah yang juga Yang Berhormat Bukit Gantang tanya tentang Sekolah Agama Rakyat yang mendapat peruntukan baru-baru ini RM50 juta untuk memastikan sekolah-sekolah ini akan dapat terus dibela oleh kerajaan. Insya-Allah sekolah-sekolah ini akan dapat terus menjalankan program-program, projek-projek kecil mereka dengan baik dan juga membina infrastruktur yang sebaik-baiknya agar mereka terus dibela. Saya ingin pergi kepada sektor pengajian tinggi di mana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lanang.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sila Yang Berhormat Lanang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Lanang.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak meminta penjelasan tentang sama ada kementerian mempunyai satu tabung untuk kecemasan yang berlaku di sekolah-sekolah. Ini kerana di kawasan saya, Sekolah SK Sungai Salim, mereka meminta bantuan untuk membaiki atap sekolah. Jadi, adakah kementerian mempunyai rancangan untuk memastikan semua kemudahan atau keperluan asas diberi kepada sekolah-sekolah terutama di sekolah luar bandar? Apakah tindakan yang akan diambil apabila berlaku kes-kes kecemasan seperti atap bocor? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebenarnya Yang Berhormat Menteri, kalau perkara baru boleh jawapan bertulis.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Akan tetapi ini senang sahaja, bocor atap. Oleh sebab itu saya sudah katakan tadi bahawa peruntukan-peruntukan telah diturunkan kepada pengarah-pengarah negeri dan juga PPD agar - ini baru diturunkan sejak September yang lalu. Perkara-perkara kecil kecemasan ini boleh diselaraskan di peringkat PPD, Yang Berhormat. Saya ingin pergi...

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya jawab ini, sektor pengajian tinggi sekejap. Banyak perkara baru, bagaimana ini.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Satu lagi soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Batu Kawan, boleh Menteri?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin membangkitkan dua soalan. Satu dalam ucapan saya pada minggu lepas berhubung dengan pembinaan sekolah menengah Tamil berstatus menengah pertama kali di Malaysia. Pada 8 Oktober, Ketua Menteri Pulau Pinang telah menghantar satu surat rasmi kepada Kementerian Pendidikan untuk minta permohonan sama ada kementerian ada komitmen yang realistik untuk membina satu sekolah menengah Tamil satu-satunya di Malaysia dalam sejarah negara ini. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengenal pasti dua kawasan untuk pembinaan sekolah tersebut. Jadi, sekarang kami mohon

jasa baik kementerian untuk mempertimbangkan mengikut keperluan bilangan sekolah-sekolah Tamil berstatus sekolah rendah di Pulau Pinang, mungkin *this would be a real act of good faith*, dengan izin, kalau kementerian boleh bagi satu komitmen. *So, we can take it back to the people of Penang and let them know.*

Kedua, status pembinaan SJK(T) Batu Kawan. Mengikut *signboard* yang ada di sana, tempoh penamatan pembinaan sekolah tersebut sepatutnya awal tahun depan tetapi rasa-rasanya *ground work* baru bermula. Jadi, kami mohon, apakah statusnya walaupun stesen bomba di Batu Kawan mempunyai tarikh yang hampir sama dengan penamatan projek pembinaan sekolah tetapi nampak macam stesen bomba sudah hampir 95 peratus atau 98 peratus siap tetapi sekolah Tamil masih macam itu sahaja. Jadi, mohon Yang Berhormat Menteri memberi pencerahan kepada kawan-kawan kami di Pulau Pinang, terutama sekali di Batu Kawan. Terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri, soalan dari Bakri, adakah Menteri akan jawab kemudian? Pada perbahasan yang lalu..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Menteri belum..

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tidak habis jawab lagi. *Relax, relax.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum jawab lagi.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Belum habis jawab lagi. Sebenarnya, untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Tamil ini, kerajaan telah membuat janji untuk membina enam buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Ini diungkit oleh Yang Berhormat daripada Pasir Gudang dan juga Yang Berhormat Ayer Hitam. Sebenarnya, kelulusan yang telah dibuat pada tahun 2012 telah mendapat kelulusan peruntukan yang itulah, pada akhir tahun 2012 dan sedang ditender. Mengikut istilah EPU, pada awal tahun 2014 akan *ready*. Makna boleh, akan dilaksanakan. Itulah yang saya dapat tentang sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil yang telah diluluskan oleh kerajaan pada masa kini.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ya?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Minta penjelasan boleh? Batu Gajah, sini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Okey.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Batu Kawan tadi. Dalam perbahasan saya juga ada menyentuh tentang sekolah menengah. Apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi adalah berkaitan dengan sekolah rendah. Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya tidak tahulah sama ada Menteri sedar atau tidak tentang perkara ini sebab ada surat dihantar oleh Ketua Menteri Pulau Pinang kepada Kementerian Pendidikan mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sanggup untuk memberi tanah seluas dua ekar di kawasan Seberang Prai kalau tidak silap saya, untuk

membina sebuah sekolah menengah Tamil yang pertama. Maklumat yang saya ada, Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau Ketua Menteri Pulau Pinang telah menghantar surat dua kali kepada Menteri Pendidikan dan tidak mendapat apa-apa maklum balas berkaitan dengan perkara itu. Itu yang dimaksudkan oleh Batu Kawan tadi. Ada tidak kerajaan mempunyai apa-apa cadangan ataupun rancangan untuk membina sebuah sekolah menengah Tamil di kawasan Pulau Pinang walaupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang sanggup memberikan tanah, bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk tujuan tersebut? Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat, saya katakan tadi bahawa keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan sehingga kini ialah hanya enam buah sekolah SJK(T). Itu yang saya kata tadi yang sepatutnya *ready* pada awal tahun 2014. Itulah keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan yang akan dilaksanakan secepat mungkin.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Berhubung dengan pengajian tinggi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, maaf. Di sini Batu Kawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ya.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Just* mendapat satu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...*Clarification*...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Untuk seterusnya ialah sektor pengajian tinggi.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri kata enam buah sekolah Tamil...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya jawab tadi. Saya katakan enam buah sekolah tadi telah diputuskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Menteri tidak bagi Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yes tetapi berstatus menengah atau tidak, itu sahaja.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sudah, sudah okey.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tahu berstatus menengah atau tidak? Itu sahaja.



**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Saya sudah katakan tadi bahawa enam buah sekolah itu telah diluluskan oleh kerajaan dan akan dilaksanakan.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Jadi, bukan menengahlah? Saya difahamkan kalau macam itu respons dari Yang Berhormat Menteri adalah sekolah rendah, bukan menengah.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Itulah dikatakan oleh - ya. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Jadi, bukan menengah?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Enam buah telah diluluskan oleh kerajaan. Saya jawab tadi. Okey.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Akan tetapi tidak tahu menengah atau rendah.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Rendahlah. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, memang rendahlah.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Okey, maksudnya kerajaan tidak ada hasrat untuk membina menengah lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Itulah keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan. Nantilah. Ramai hendak buat sekolah antarabangsa, Bukit Antarabangsa, Sabah, Sarawak hendak sekolah semua sekali. Jadi, tidak bolehlah semua hendak...

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Just* hendak *check* terminologi sahaja. Terminologi, rendah atau menengah? Itu sahaja.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sekolah jenis kebangsaan. Yang Berhormat, SJK(T), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, sekolah rendah Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Itu sahaja terminologi dia.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Jadi, menengah tidak ada apa-apa cadangan lagi ya? Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih. Sektor pengajian tinggi juga banyak yang mengatakan, ramai Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Daripada Merbok, Sandakan, Bukit Katil, Bukit Bendera, Kuala Terengganu, Sabak Bernam, Bukit Mertajam dan juga Nibong Tebal. Sebenarnya, tidak ramai yang mengetahui bahawa keadaan universiti kita telah banyak bertambah baik. Saya ingin memetik satu artikel jurnal yang dikemukakan oleh Michael Korr, 2013, *Driving Research Excellence in the University: The Way Forward. Seminar on International Higher Education, University of Research Singapore, 9 April,*

yang mengatakan bahawa kedudukan pertambahan bilangan artikel jurnal antara 2007 hingga 2012 untuk enam tahun, untuk beberapa negara ASEAN. Peratus bilangan penerbitan pada tahun 2007 dan 2012 menggambarkan Malaysia mempunyai satu peningkatan sebanyak 310 peratus daripada 3,711 artikel jurnal kepada 11,507 artikel jurnal yang mengatasi Vietnam, Filipina, Thailand, Indonesia, Singapura, Hong Kong, Taiwan, Switzerland, Sweden, Sepanyol, Korea Selatan, Ireland, England, China, Kanada dan juga Australia. Ia mengatakan bahawa dari segi penambahan artikel jurnal, universiti-universiti kita telah mendahului banyak negara-negara lain. Ini merupakan satu penambahbaikan dalam sistem pendidikan kita sejak kita adakan sistem *research university* dan sebagainya.

Beberapa Ahli: [Bangun]

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Begitu juga tentang penambahan pelajar asing di negara kita. Saya dalam baru ini dikunjungi oleh seorang duta sebuah negara yang mengatakan beliau sudah tidak lagi menghantar pelajar-pelajar mereka ke negara yang membangun, yang hebat walaupun dekat dengan negaranya dan kesemua pelajar-pelajar mereka dihantar ke negara kita. Sekarang ini kita Malaysia merupakan pilihan kesembilan dalam negara-negara seluruh dunia yang menjadi pilihan pelajar seluruh dunia untuk datang dan sehingga kini kita mempunyai 82,710. Ini angka sehingga 10 Oktober, pelajar-pelajar asing yang berada di negara kita. Jadi, janganlah kita terlalu mengherdik mengatakan sistem pendidikan negara kita ini tidak ada kualiti langsung. Ini kerana jika sistem pendidikan kita ini tidak ada kualiti langsung, sememangnya orang tidak akan datang ke negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Beberapa orang bangun Yang Berhormat. Kepong, Kapar dan Kuala Kedah. Kepong?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Secara ringkas Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang berharap penyelidikan dapat dipertingkatkan lagi. Walau bagaimanapun bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini ranking universiti di Malaysia ini di dunia? Dengan hasil penyelidikan yang baik dan sebagainya, bilakah kita boleh meningkatkan ranking kita itu? Mungkin satu hari kepada 100 universiti yang terbaik ataupun 50 universiti yang terbaik di dunia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini berkenaan tentang kualiti IPT. Berdasarkan jawapan tadi, Yang Berhormat Menteri menekankan tentang penerbitan jurnal sahaja. Untuk ranking universiti awam, saya rasa ia kena secara eksklusif. Kita tidak boleh pandang dari satu sudut. Saya, pada 23 September tempoh hari telah menanyakan soalan tentang usaha kementerian untuk memperbaiki ranking universiti awam dalam negeri ke tahap yang lebih membanggakan setanding dan setaraf dengan universiti-universiti antarabangsa.

Jawapan yang saya dapat dalam sehelai, dua helai muka surat ini adalah lebih kepada mekanisme jangka masa panjang. Bila baca jawapan dekat sini, saya tidak nampak sesuatu dalam jangka masa pendek hendak menaik taraf pendidikan yang sedang merosot sekarang. Isu bukan penerbitan jurnal, isu tentang kualiti. Isu bukan orang asing datang belajar dekat sini, isu adalah kita memartabatkan rakyat kita dengan kualiti pendidikan yang bagus. Itu yang

merosot, kualiti. So macam mana dalam jangka masa pendek, kita hendak naikan taraf pendidikan institusi pengajian tinggi (IPT)? Kalau ada mekanisme, saya perlukan penjelasan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Bolehkah saya mencelah?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Dalam kita ingin meningkatkan kualiti pendidikan tinggi ini bukan perkara yang boleh dilakukan dalam jangka masa yang pendek. Ini kerana kita untuk mewujudkan R&D atau penyelidikan, perlu ada lebih ramai penganut-penganut PhD. Jadi, soalan tersebut kita bukannya senang. Kita hendak memastikan yang kualitinya bagus, perlu ada PhD holders, dengan izin, yang boleh melaksanakan *research and development dan commercialization* ke arah itu. Jadi kita boleh lihat dalam jangka masa pendek *publication* ini, saya sudah tunjuk angka-angka tadi, bahawa dengan adanya *publication* tersebut, adanya jurnal-jurnal yang *recited*, mengatakan bahawa pengiktirafan kepada negara kita telah baik. Begitu juga jangan menafikan sebab kita kadang-kadang suka menafikan bahawa saya katakan tadi bahawa kedatangan pelajar-pelajar asing. Mereka tidak datang ke Malaysia ini kalau kita tidak ada kualiti langsung.

Jadi saya minta Yang Berhormat, kita jangan hendak tengok yang buruk sahaja. Ini kerana ranking bukan segala-galanya sebab ada juga kelemahan-kelemahan ranking RS, QS dan sebagainya yang memang mendapat- baru-baru ini saya dikunjungi *European University Union* mengatakan bahawa ranking bukan segala-galanya. Bila saya bercakap tentang ranking, dia kata, "Yang Berhormat, *please be careful*", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua bahawa ranking bukan segala-galanya. Itulah antara perkara-perkara yang sedang dilaksanakan oleh kementerian agar universiti terus memacu ke hadapan...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** [Bangun]

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Untuk kita menambahkan golongan-golongan, katakanlah pensyarah-pensyarah PhD kita. Kita telah wujudkan RU kita yang- *research university* kita yang memastikan penyelidikan-penyelidikan kita akan jadi terus bertambah baik.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** [Bangun]

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ada juga Yang Berhormat daripada Bukit Bendera, Merbok dan Nibong Tebal yang bertanya tentang pelantikan Naib Canselor-Naib Canselor. Sebenarnya, perkara 9, Jadual Pertama, AUKU 1971 (Pindaan) 2012 mengatakan bahawa pelantikan Naib Canselor dilantik Menteri atas nasihat jawatankuasa selepas berunding dengan Lembaga Pengarah Universiti. Begitu juga Jawatankuasa Tetap Carian Naib Canselor terdiri daripada Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Halim, Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Anuar Ali, Tan Prof. Emeritus Tan Sri Dr Augustine Soon Hock Ong, Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman dan juga untuk bukan *research university* Tan Sri Dato' Dr. Mohamed Salleh Mohamed Yassin, Tan Sri Dato' Dr. Lin See Yan, Tan Sri Datuk Haji Arshad Ayub, Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Tajuddin Ali dan Datuk Ir. Dr. Haji Ahmad Zaidee Laidin.

NC ini dipilih berasaskan kriteria dan mereka ditemu duga dan dipertimbangkan kepada Menteri untuk pelantikan. Maknanya, setiap pelantikan Naib Canselor ini bukan dilantik secara sewenang-wenangnya. Ada juga beberapa Yang Berhormat yang bercakap tentang

infrastruktur yang ingin mewujudkan kolej komuniti dan juga kolej-kolej di peringkat mereka. Insya-Allah, kita akan pastikan permohonan-permohonan itu akan dilihat dengan sebaik-baiknya agar ianya dapat dipertimbangkan untuk kebaikan bersama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kedah berdiri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Mahu beri Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tadi sudah jawab. Dia kata hendak jangka pendek? Saya sudah beritahu tadi bahawa pembangunan universiti tidak boleh dilihat dalam jangka masa pendek. Pembangunan universiti perlu dilihat dalam jangka masa panjang kerana kita belanjakan duit yang banyak untuk universiti.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, saya terima.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Jangka pendeknya ialah kita menggunakan *publication* yang telah *recited*. Saya juga katakan tadi bahawa ia memerlukan satu pelan perancangan jangka masa panjang. Kita tidak boleh pendek-pendek sangat nanti ia tidak jadi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *No, education* tidak boleh jangka masa panjang sahaja Yang Berhormat Menteri. Dia kena ada dua-dua belah. Dia kena ada jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang... Seorang Ahli: [Menyampuk]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sabarlah! Tuan Yang di-Pertua itu yang saya tekankan. Kalau mekanisme jangka masa pendek kerajaan tidak ada, itu maksudnya kegagalan. Tidak boleh menafikan tidak ada jangka masa pendek. Mesti ada mekanisme jangka masa pendek. Saya tidak menafikan penerbitan jurnal salah satu cara tetapi mesti ada cara lain juga. Dia kena ada beberapa cara jangka masa pendek untuk memperbaiki. Kita *just* memikir jangka masa panjang. Jangka masa panjang kalau ambil masa sepuluh tahun, *what about the first five years? We have to go year-by-year basis*. Itu yang saya minta. Mekanisme *year-by-year*. Kita boleh duduk bersama bincang benda ini. Mesti ada. Tidak boleh terus kata mekanisme jangka masa pendek tidak ada, yang ada hanyalah mekanisme jangka masa panjang. Akan tetapi kualiti sedang merosot. Saya tahu kementerian sedang cuba, kita pun sedang cuba.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta perhatian. Ini sekadar teguran. Boleh diterima. Saya sedar dan saya percaya ada mekanisme jangka masa pendek yang boleh diperbaiki. Ini terpulang pada kementerian hendak dengar atau tidak. Kalau kita dua-dua dekat sini hendak memperbaiki kualiti, saya harap ambil yang jernih buang yang keruh. So, yang ini jernih. Saya ada mekanisme jangka masa pendek yang boleh baiki. Hendak duduk, hendak bincang terpulang pada kementerian. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar saya sedia untuk mendengar pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat. Akan tetapi saya katakan tadi *publication*

adalah satu perkara yang tidak panjang sangat yang boleh kita laksanakan melahirkan PhD juga merupakan program yang tiga, empat tahun. Akan tetapi jika Ahli Yang Berhormat ada perkara-perkara yang lebih baik, saya sedia untuk berbincang dengan Yang Berhormat. Itulah saya katakan tadi, terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan mereka dalam saya menggulung pembentangan Bajet 2014 ini dan terima kasih. Jika saya ada silap, saya minta maaf. Jika ada perkara-perkara tambahan, saya sudi mendengar pandangan-pandangan daripada semua Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**UCAPAN PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2014  
PERINGKAT JAWATANKUASA OLEH YB P. KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN  
TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN II DI DEWAN RAKYAT**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada 37 Ahli Parlimen yang telah berhujah, 14 orang yang membahaskan, 23 Ahli Parlimen yang telah mencelah. Saya akan cuba sedaya upaya saya untuk memberi maklum balas secara terperinci. Kalau ada kekurangan, akan saya mohon kerjasama daripada Yang Berhormat supaya saya dapat memberikan maklumat secara bertulis kepada Yang Berhormat berkenaan. Sekiranya ada kekurangan dalam jawapan yang dibangkitkan sebentar tadi, tetapi saya akan cuba sedaya-upaya untuk memulakan penjelasan dengan memberi jawapan kepada semua perkara yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat Lembah Pantai telah membangkitkan isu penempatan guru. Saya ingin memberi penjelasan di sini Tuan Pengerusi, bahawa pengurusan penempatan guru baru merupakan fungsi utama bahagian pengurusan sekolah harian. Sehubungan dengan itu, bahagian ini sedang melaksanakan makmal khusus berkaitan dasar penempatan dan pertukaran guru dan beberapa siri sindikasi bagi membincangkan kaedah penyelesaian terbaik dan berkesan dalam menangani isu-isu berkaitan dasar pertukaran dan penempatan guru bersama pihak-pihak yang berkepentingan sejak bulan Ogos 2013. Makmal khusus ini berkaitan perkara yang telah dilaksanakan.

Bermula 20 hingga 23 Ogos yang mana turut dihadiri rakan seperjuangan saya, Yang Berhormat Tawau, Timbalan Menteri Pendidikan I. Sehingga September 2013 Tuan Pengerusi, sejumlah empat siri sindikasi dilaksanakan bersama-sama pihak yang berkepentingan seperti berikut bagi mendapat input, pandangan dan kaedah penyelesaian terbaik dan berkesan dalam menangani isu-isu berkaitan dasar pertukaran dan penempatan guru. Pada 9 September 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia dan kesatuan-kesatuan pendidikan. 11 September, Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi-agensi kerajaan seperti polis, tentera, bomba, kastam, imigresen, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Penjara, MARA, Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Pesuruhjaya Perkhidmatan Pelajaran. Pada 25 September, Kementerian Pendidikan Malaysia bersama Setiausaha Kerajaan Negeri (CUEPACS), Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Sumber Manusia, SPRM, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada 27 September, semua ketua bahagian yang terlibat dalam *task force* penempatan dan pertukaran guru. Laporan status pelaksanaan sindikasi sentiasa dimaklumkan kepada pengurusan tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dapatan makmal berkaitan pertukaran dan penempatan guru tersebut akan dikemukakan untuk makluman dan pertimbangan Jemaah Menteri setelah semua sesi sindikasi bersama semua pihak yang terlibat dalam proses penempatan dan pertukaran guru ini diselesaikan. Maka, kita akan melakukan semua dalam bidang kita untuk memastikan masalah penukaran guru ini dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Kinabatangan dan beberapa lagi Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu ICT. Kemudahan peralatan ICT di sekolah-sekolah sentiasa dikaji supaya semua sekolah luar bandar dan pedalaman mendapat pencapaian internet yang munasabah untuk membolehkan PDP dan PDT dijalankan dengan baik. Kerajaan juga amat prihatin dengan keperluan pendidikan setara untuk semua dan berusaha untuk melengkapkan semua sekolah dengan peralatan ICT dan jalur lebar yang dapat menyokong keperluan pendidikan abad ke-21.

Melalui projek 1Bestari Net yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, semua sekolah di seluruh Malaysia disasarkan mendapat capaian internet jalur lebar sama ada 2mbps hingga 10mbps atau 4mbps hingga 10mpbs. Ini termasuk sebanyak 1,926 sekolah luar bandar yang mendapat internet melalui VSAT. Manakala, pada tahun 2013 sebanyak 1,250 buah sekolah luar bandar juga telah dilengkapi dengan kelengkapan ICT berteknologi VDI *Thin Client* di bawah RMKe-10. Kerajaan sedang melaksanakan pembekalan *Chromebook* sekolah-sekolah yang akan berfungsi sebagai makmal komputer. Maka, kementerian akan sentiasa mencari ruang bagaimana kita dapat memudahkan penggunaan sistem ICT ini supaya pendidikan ini dapat diteruskan menggunakan kaedah yang terbaru.

Yang Berhormat Lembah Pantai juga menimbulkan isu Program *MyBrain*, yuran pasca ijazah, tempoh bayaran balik. Untuk makluman, pembiayaan di bawah program *MyBrain* 15, pelajar hanya akan ditaja untuk yuran pengajian bagi mana-mana semester yang berada dalam tempoh pembiayaan. Seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran pembayaran *MyBrain* 15. Manakala, yuran pengajian semester di luar tempoh pembiayaan tidak akan dibayar. Isu PBS merupakan satu isu yang hangat didebatkan oleh semua Ahli Yang Berhormat. Kami sendiri di Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil perkara ini sebagai satu perkara yang sangat penting.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya hormati, isu Pentaksiran Bersasakan Sekolah (PBS), pelaksanaan PBS bukanlah untuk bertujuan untuk membebaskan guru. Akan tetapi untuk menyediakan satu bentuk pentaksiran pelajar yang lebih holistik dan tidak hanya berlandaskan kepada peperiksaan semata-mata. Kementerian sedia maklum, untuk melaksanakan sistem berkenaan banyak cabaran yang terpaksa dihadapi. Segala masalah yang dihadapi, saya bagi pihak kementerian mohon maaf kepada semua guru, hasrat kita bukan untuk membebaskan sesiapa, Yang Berhormat.

Maklumat dan respons yang saya terima daripada semua Ahli Yang Berhormat, kita dengar. Kita dalam proses untuk mencari penyelesaian. Sekarang cuti sekolah, kementerian sedang - saya bercakap dengan Yang Berhormat, sedang mencari semua kaedah yang boleh supaya kita dapat selesaikan masalah sebelum akhir tahun ini. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, integrasi sistem akan diselesaikan pada akhir tahun ini. *Server* akan ditambah baik, *CATCH* akan dilaksanakan di mana data yang telah dimasukkan tidak akan hanya menggunakan single window. Kementerian telah menjalankan kajian pemantapan profesion baru (PPG) yang melibatkan pelaksanaan rintis seperti berikut.

- a) penempatan 313 PTN 17 di Melaka untuk bantu guru data dan guru perpustakaan, dan media; dan
- b) 100 jurutera komputer FT17 di Melaka untuk bantu guru penyelaras bestari.

Melalui *National Blue Ocean Strategy*, dengan izin, kajian telah diluaskan untuk melibatkan lapangan kajian iaitu beban tugas guru, ketidaksepadanan opsyen guru, saiz kelas yang ideal dan pertindihan pangkalan data. Maka kita akan terus meneliti dan mencari kaedah-kaedah untuk mencari penyelesaian yang terbaik untuk mengatasi masalah PBS ini. Ada banyak lagi isu yang telah dibangkitkan akan saya jawab secara terperinci...

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** [Bangun]

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sabar dulu banyak lagi isu. Kalau ada dalam...

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** PBS, PBS.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ya, ya. Banyak lagi isu. Ramai Ahli Yang Berhormat telah bangkitkan, banyak lagi isu di sini. Kalau akhir penyampaian saya hilang soalan yang diminta itu, jawapannya tidak ada, maklum kepada saya, saya akan berikan maklumat secara peribadi kepada Yang Berhormat sekiranya hilang ya mohon maaf.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Sikit mohon penjelasan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Nanti saya belum habis lagi.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Pasal PBS.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sabar-sabar, saya kata ada lagi, banyak lagi sabar. Yang Berhormat Lembah Pantai juga membangkitkan isu e-Prestasi. Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan merupakan program rintis atau pra pelaksanaan penilaian. e-Prestasi adalah sistem dalam talian yang digunakan untuk membuat penilaian. Tempoh pra pelaksanaan penilaian ini telah dilanjutkan sehingga 31 Januari 2014. Pelaksanaan sebenar hanya akan dibuat pada tahun 2015 setelah penambahbaikan dibuat berdasarkan program rintis. Penilaian dilakukan untuk melihat secara lebih tepat dan telus terhadap bidang tugas dan hasil kerja guru sepanjang tahun.

Yang Berhormat Lembah Pantai juga telah membangkitkan isu pengukuhan operasi pendidikan hutang PTPTN. Untuk makluman Yang Berhormat, PTPTN sentiasa bersedia berunding dengan peminjam yang menghadapi masalah membayar balik pinjaman penyenggaraan hitam pinjaman hanya dibuat sebagai langkah terakhir setelah 5 notis peringatan dihantar kepada peminjam atau 16 bulan selepas tamat pengajian. Selain itu, peminjam yang tidak bekerja dibenarkan membuat penangguhan bayaran balik sehingga tempoh dua tahun. Berhubung saranan Yang Berhormat supaya kementerian membuat baik pulih sistem bayaran balik berasaskan sistem seperti di United Kingdom. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedang membuat kajian kaedah bayaran balik melalui potongan gaji atau *income contingent loan repayment* (ICLF) berasaskan threshold pendapatan peminjam sebagaimana yang dilaksanakan di New Zealand dan Australia. Melalui kaedah ini, peminjam hanya perlu memulakan bayaran balik sekiranya pendapatan mereka melepasi tahap tertentu yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi peminjam yang membuat penukaran pembiayaan daripada konvensional kepada ujah, pinjaman mereka akan distrukturkan semula. PTPTN akan menarik balik nama mereka daripada senarai hitam Jabatan Imigresen Malaysia. Yang Berhormat Tenom telah membangkitkan isu kolej kediaman mahasiswa-mahasiswa. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sedar dan prihatin terhadap permasalahan kekurangan kolej kediaman pelajar di IPTA. Oleh yang demikian, 22 projek kolej kediaman sedang dilaksanakan dengan kapasiti hampir 85,000 pelajar di bawah Kerjasama Awam-Swasta atau *Public-Private Partnership*, dengan izin. Yang Berhormat Tenom juga membangkitkan isu perkhidmatan WiFi atau capaian internet. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi peningkatan kemudahan capaian internet tanpa wayar atau WiFi melibatkan tiga komponen utama berikut:

- a) sambungan peningkatan lebar jalur gerbang internet ke kampus;
- b) sistem rangkaian setempat di dalam kampus; dan
- c) penyediaan peralatan *wireless* di dalam kampus.



Tempoh pelaksanaan perluasan WiFi di institusi pengajian tinggi awam mengambil masa selama 10 bulan. Ini melibatkan proses perolehan melalui tender bagi pembekal internet dan peralatan rangkaian dan pemasangan ujian dan pentauliahan. Perolehan untuk sistem rangkaian setempat serta peralatan wireless akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan peruntukan dari Kementerian Kewangan sebanyak RM349 juta melalui permohonan peruntukan tahun 2014. Yang Berhormat Parit Buntar, mencadangkan agar semua dasar baru yang berkaitan pendidikan mendapat persetujuan stakeholders. Yang Berhormat, langkah kerajaan menggabungkan kedua-dua kementerian adalah merupakan antara usaha untuk membolehkan pelaksanaan Dasar Pendidikan diselaraskan secara bersepadu. Berpaksikan falsafah pendidikan kebangsaan serta berlandaskan Akta Pendidikan yang berkaitan. Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara memang mendapat pandangan daripada semua pihak termasuk dari kalangan guru-guru.

Yang Berhormat Parit Buntar juga membangkitkan isu yang mana premis sekolah digunakan untuk tempat menjadi mesyuarat parti politik. Pihak kementerian telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bil.3/2008. Seperti berikut, saya baca perenggan 4. "Semua pengetua dan guru besar adalah diingatkan supaya mendapatkan pandangan dan kelulusan daripada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri akan sebarang permohonan untuk menggunakan premis atau kemudahan sekolah seperti bilik darjah, dewan dan padang permainan atau lain-lain oleh pihak luar. Ini tujuan untuk menjamin kesejahteraan serta menjaga keselamatan harta benda sekolah."

Memang perkara-perkara ini tidak dibenarkan sekiranya ada saya cadangkan kepada Yang Berhormat untuk memberikan surat aduan kepada saya kita akan membuat siasatan dengan sewajarnya. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Parit Buntar juga menimbulkan isu pertumbuhan kolej swasta yang tidak terkawal. Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2013 terdapat 520 buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah peruntukan atau institusi pendidikan tinggi swasta 1996 dengan pecahan seperti berikut- universiti 40, kolej universiti 27, kampus cawangan luar negara 8 buah, kolej 422 buah termasuk cawangan-cawangannya.

Oleh yang demikian, kementerian telah mula melaksanakan moratorium ataupun pembekuan ke atas penubuhan baru IPTS mulai 1 Februari 2013 selama dua tahun. Keputusan berkenaan merupakan salah satu kaedah kawalan oleh pihak kementerian bagi mengelak berlakunya lebihan penawaran berbanding permintaan. Keputusan juga adalah berasaskan kepada justifikasi berikut, iaitu memberi fokus kepada pelaksanaan rasionalisasi sektor pengajian tinggi swasta melalui kaedah pembangunan dan perolehan kolaborasi ataupun penstrukturan semula IPTS. Memberi fokus kepada usaha meningkatkan kualiti program pengajian dan IPTS sedia ada. Dalam menjaga kualiti program pengajian yang ditawarkan, kementerian sentiasa merujuk dan bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti badan-badan profesional seperti *Malaysian Medical Council* (MMC) yang memastikan kualiti pengajian adalah sebagaimana keperluan hakiki profesion yang terlibat. Program pengajian juga turut dinilai kualiti dan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia dan agen standard mutu pengajian adalah terbaik dibandingkan standard luar negara.

Yang Berhormat Parit Buntar juga membangkitkan isu ada IPTA yang tawarkan kursus yang tidak diiktiraf. Semua program akademik bersifat profesional perlu melalui proses audit oleh badan profesional berkaitan. IPTA perlu mengambil tindakan di atas semua teguran atau cadangan badan profesional. Sekiranya audit kali pertama gagal, audit kali kedua akan

dilaksanakan sehingga badan profesional berpuas hati. Oleh itu, tidak timbul isu program yang tidak diiktiraf...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Untuk program... Sebentar, izinkan saya selesaikan jawapan ini. Untuk program undang-undang USIM...

**Seorang Ahli:** Izinkan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Salah kah?

**Seorang Ahli:** Betul, *exact word*. Oh! Hebat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Thank you. Untuk program undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), isu adalah berkaitan graduan yang tidak menduduki *Certificate of Legal Practice* (CLP) sebelum bergraduat. *Legal Profession Qualifying Board* (LPGB) sedang melawat USIM untuk melihat semula sama ada graduan perlu menduduki CLP atau pun tidak. Untuk kes Universiti Malaysia Kelantan (UMK), maklumat lebih terperinci diperlukan dan akan membuat sebarang tindakan yang selanjutnya. Sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri, sepatutnya apabila pelajar-pelajar ditawarkan oleh universiti ataupun university menawarkan satu-satu kursus khususnya undang-undang, perlu terlebih dahulu memastikan segala *syllabus* itu memenuhi kriteria yang ditetapkan. Saya rasa dalam kes USIM ini, saya pun merasa hairan kenapakah tidak boleh digunakan contohnya *syllabus* Universiti Islam Antarabangsa (UIA), kerana USIM juga adalah universiti berteraskan Islam yang mana UIA telah diiktiraf.

Jadi kalau - yang menjadi mangsa ialah pelajar. Ibu bapa telah hantar dengan harapan dan cita-cita supaya anak mereka boleh menjadi peguam dan sebagainya. Jadi ini menjadi mangsa kepada pelajar-pelajar yang telah grad. Saya juga masih hairan apabila universiti dalam negeri terpaksa melalui CLP kerana biasanya CLP ini hanya untuk pelajar-pelajar daripada luar negara. Jadi saya merasa ini satu perkara yang ada yang tidak kena di situ. Jadi minta Menteri berikan penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tahu dan bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada

Menteri sedar atau tidak berkaitan dengan beberapa kolej swasta yang menawarkan kursus kejururawatan di mana kosnya adalah cukup tinggi, hampir RM60,000 hingga RM70,000 untuk mendapatkan kelayakan kejururawatan, tetapi selepas mereka habiskan kursus, mereka tidak boleh dapat kerja sebab kebanyakan hospital-hospital kerajaan mahupun swasta tidak mengiktiraf kelayakan mereka itu, sedangkan PTPTN pula sanggup memberi pinjaman kepada mereka. Selepas mereka habis belajar dengan memiliki kelayakan kejururawatan itu, mereka tidak dapat kerja dan akhirnya mereka juga terpaksa menanggung beban membayar PTPTN. Sijil yang mereka miliki itu tidak boleh digunakan di mana-mana pun.

Saya sendiri pernah cuba membantu beberapa orang pelajar dengan menelefon kepada beberapa buah hospital swasta menanyakan kepada mereka sama ada mereka sanggup menerima ataupun tidak dan hospital-hospital swasta itu dengan terus terang beritahu kepada saya, kelayakan mereka itu daripada beberapa kolej swasta yang agak terkemuka. Mereka membuat pengiklanan di merata tempat dan akhirnya hospital-hospital itu memberitahu bahawa kelayakan mereka itu langsung tidak diiktiraf dan mereka tidak akan diambil kerja di mana-mana hospital tersebut. Jadi, ini amat membebankan pelajar-pelajar tersebut, merugikan mereka dan mereka terpaksa menanggung satu beban tambahan. Bukan sahaja sijil tidak boleh pakai tetapi mereka terpaksa membayar PTPTN. Apa pandangan ataupun jawapan Menteri berkaitan dengan perkara ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh sekali dengan Yang Berhormat Kapar. Sila Yang Berhormat Kapar, ya.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Menteri, ini mengenai Butiran 101100 tentang IPTA. Tadi saya tidak sempat hendak bahas. Daripada 20 universiti yang diberikan peruntukan, nampaknya peruntukan sebanyak RM1,915,553,700 diberikan kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM). Tiada universiti lain yang diberikan peruntukan yang begitu tinggi. UM, UKM, USM, UPM dan UTM lebih kurang RM500,000 dan baki 14 universiti yang lain diberikan peruntukan kurang daripada RM500,000. Kerajaan menunjukkan konsistensi dalam memberikan peruntukan kepada UiTM iaitu pada tahun 2013, RM1.8 bilion dan kini RM1.9 bilion. Adakah konsistensi kerajaan dalam pemberian dana ini akan memberi pulangan kepada negara dalam bentuk melahirkan generasi masa depan yang mahir dan sempurna berbaloi dengan dana yang diperuntukkan kepada UiTM? Itu soalan pertama. Soalan kedua, mengapa UiTM diberikan peruntukan yang amat tinggi? Adakah peruntukan hampir RM2 bilion ini boleh menaikkan taraf universiti iaitu UiTM dalam ranking antarabangsa? Minta penjelasan Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Menteri. Saya hendak sambut apa yang Yang Berhormat Batu Gajah kata tadi, sebab bila PTPTN ini dia beri bantuan sepenuhnya *fees* kepada universiti-universiti ini yang kita tahu bahawa bila pelajar dia keluar, dia payah mendapat pekerjaan ataupun kalau mendapat pekerjaan pun, gaji dia amat rendah.

Saya percaya kebanyakan universiti swasta ini, hidup dia bergantung kepada pelajar - pelajar tajaan PTPTN. Maka mungkin PTPTN, Yang Berhormat Menteri boleh tengok, supaya jangan mengikut jumlah *fees* atau bayaran yang dikenakan oleh universiti itu dan *finance* keseluruhannya. Mungkin dengan mengurangkan syiling. Contohnya katakan RM70,000, PTPTN hanya beri syiling RM40,000 atau RM45,000. Saya yakin penuh bahawa dengan cara

itu, *automatically fees* untuk universiti swasta ini juga akan berkurang kerana dia memerlukan pelajar tajaan PTPTN ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong sudah catat itu. Sila.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tun Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** [Bangun]

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Saya cuma hendak sentuh satu perkara. Walaupun nampaknya remeh tetapi saya fikir penting iaitu Butiran 120000 berkenaan dengan KTAR. Oleh kerana KTAR sudah dinaik taraf menjadi kolej universiti, jadi saya rasa nama itu harus diperbetulkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap sahaja tentang Universiti Malaysia Kelantan tadi. Saya difahamkan oleh pelajar bahawa Universiti Malaysia Kelantan ada menawarkan *engineering* dengan usahawan. Akan tetapi akhirnya, *engineering* pun tidak jadi *engineer* dan usahawan pun tidak jadi usahawan. Jadi ini yang bahayanya apabila ditawarkan satu kursus yang nampak menarik tetapi akhirnya tidak diiktiraf. Usahawan pun tidak ketahuan dan *engineering* pun tidak menjadi *engineer*.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu yang saya difahamkanlah. Minta kepastian daripada Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selepas Yang Berhormat Lenggong saya fikir Yang Berhormat Limbang. Okey.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh catat, Yang Berhormat Menteri? Celahan banyak.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai kolej swasta. Saya hendak bangkitkan satu isu yang hari ini saya tengok dibincangkan juga dalam media sosial. Yang Berhormat Menteri, kadang-kadang kita fikir barangkali tidak munasabah umur sudah 39 dan ada yang sudah mencecah 40 tahun masih mahu buat diploma. Ini saya maksudkan ialah pelajar-pelajar daripada luar negara yang belajar di kolej swasta yang kebanyakannya ialah daripada negara Afrika. Saya hendak sebut di sini, misalnya yang hari ini difahamkan, saya tidak tahu angka ini betul ataupun tidak, iaitu pelajar Afrika di Kolej Legenda di Mantin di Negeri Sembilan misalnya, begitu ramai sekali hingga

menyebabkan berlaku masalah sosial. Ini membimbangkan kita. Kita memang mahu supaya kolej-kolej dan universiti kita di dalam negara ini dipenuhi dengan pelajar-pelajar luar negara. Akan tetapi kualiti pelajar itu sendiri, apakah dia datang ke negara kita memang kerana dia hendak belajar? Kalau itu maksudnya, alhamdulillah.

Akan tetapi apa yang kita bimbang, dia hanya menggunakan pas ataupun permit belajar ini tetapi dia buat perkara-perkara lain. Ini membimbangkan kita. Jadi, saya harap perkara ini diteliti. Isu misalnya seramai 5,000 pelajar Afrika. Saya tidak tahu betul atau tidak tetapi saya fikir ini mesti diteliti dan diambil perhatian kerana kita bimbang anak-anak kita terutama sekali perempuan dan sebagainya akan, saya tidak mahu sebut tetapi masalah-masalah sosial ini berlaku. Ini membimbangkan kita dan minta kementerian ambil perhatian. Kebanjiran begitu ramai pelajar-pelajar Afrika di dalam negara kita yang saya harap ini diberi perhatian kerana saya tidak mahu masalah-masalah lain berlaku.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, selepas Yang Berhormat Limbang, saya fikir Yang Berhormat Menteri jawab dahulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Satu lagi. Last, last. Sama isunya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput Yang Berhormat Limbang dahulu.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Menteri, ini tentang MQA ini iaitu tadi Yang Berhormat Sepang ada sebut tentang *certain* penuntut-penuntut kita ini tidak menjadi dan ini tidak menjadi. Jadi, ini tentang *Bachelor of Technology*. Terdapat banyak sekarang ini ditawarkan oleh universiti kita iaitu *Bachelor of Technology*. Saya difahamkan penuntut-penuntut di IPTA dan IPTS iaitu tentang mereka ini apabila *graduate* nanti, sebab mereka ini tidak mempunyai lembaga sendiri dan saya dengar mereka ini ada konflik sedikit tentang kelulusan ini. Kalau mereka ini bukan juga menjadi jurutera *because not recognized by Board of Engineer Malaysia* (BEM), tetapi mereka juga telah memohon untuk menubuhkan *board* mereka sendiri.

Ini kerana kalau mereka ini difahamkan kalau mengikut bekerja di luar nanti apabila berkaitan dengan teknikal, kalau masuk jabatan kerajaan dan sebagainya, mereka hanya dikira sebagai *technician* padahal mereka ini juga *is the bachelor's degree* dan mereka ini *most of them pun quite brainier also, straight A's students, so these people*. Jadi saya berharap mereka ini dilihat, apakah status permohonan mereka untuk menubuhkan lembaga, *board of technology* ini dan macam mana hubungannya dengan BEM, *must be something there*. Jadi saya minta benda ini diperjelaskan dan kalau sekiranya memang perlu untuk ditubuhkan *board of technology* ini sendiri, saya rasa kementerian kena tengok sebab beribu *students* kita yang mengambil *Bachelor of Technology* dan ramai yang telah mengadu kepada saya juga. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Tuan Pengerusi, boleh...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Last*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selepas Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Parit. Selepas itu, Menteri menjawab.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi yang sentiasa memantau perjalanan mesyuarat kita. Tuan Pengerusi, saya terpanggil hujah daripada rakan saya daripada Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dan Yang Berhormat Lenggong. Sebetulnya, kewujudan universiti swasta ini dan juga ada yang dipanggil *Open University* telah mengundang pelbagai permasalahan. Saya tidak tahu macam mana negara kita ini, kita boleh menjadi negara yang melahirkan universiti-universiti yang cemerlang tetapi bukan untuk kursus ada unsur-unsur penipuan.

Pertama, seperti berlaku tadi, bukan itu sahaja. Memang ramai pelajar yang teraniaya dijanjikan daripada kolej dan universiti ini, tiba-tiba tidak diiktiraf. Kedua, *Open University* ini mudah pula. Saya tidak tahu. Konvokesyen pun tidak, tiba-tiba dapat degree melalui *Open University*. Apa yang saya tahu, kalau betul-betul hendak mendapat *Masters* ini apa semua, kena pergi kelas. Saya pergi kelas satu minggu empat kali. Apa mahu buat? Terpaksalah [Disampuk] Kalau perlu betul-betul mahu tetapi yang saya nampak, tidak pergi kelas tiba-tiba terima...

**Seorang Ahli:** Doktor.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Doktorlah, macam-macam [Ketawa] Ini pun masalah juga. Habis, itu memang betul Yang Berhormat Lenggong kata. Ini disebabkan universiti swasta ini dijadikan sebagai sarang kadang-kadang untuk pelajar-pelajar dari *South Africa* ini menjadi sarang pelacuran, menjadi bapa ayam ...

**Seorang Ahli:** Pengedar dadah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pengedar dadah dan sebagainya. Oleh sebab itu ramai pelajar kita dieksploitasi mengedar dadah ke luar negara dengan bermacam-macam modus operandi. Jadi, harus dikaji dan diteliti kewujudan universiti-universiti sebegini tidak menguntungkan negara kita, bahkan banyak merugikan anak bangsa kita. Kalau betul-betul mahu mendapat *degree*kah, apakah kena berusaha. Jangan kita mengharapkan sesuatu tiba-tiba. Sepatutnya Malaysia ini memang terkenal dengan eksploitasi, macam-macam. Kalau saya cerita, tidak habis tiga jam macam mana rakyat Malaysia ini boleh mengeksploitasi sesuatu untuk kepentingan diri masing-masing. Terima kasih. harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri pasal UiTM Seri Iskandar. Saya dimaklumkan oleh pengurusan bahawa mereka hendak menutup Fakulti Perniagaan di UiTM Seri Iskandar dan dipindahkan ke UiTM Tapah. Kenapa ini berlaku dan apakah rasionalnya di sebalik tindakan itu? Ini sebenarnya akan merugikan pembangunan Seri Iskandar itu. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Menteri mengkaji balik dan buat keputusan yang terbaik demi kebaikan orang Parit. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Parit, semua telah mencelah. Yang Berhormat Sepang, just secara ringkas. Seperti mana yang saya telah katakan sebentar tadi, kita akan

melawat USIM sekali lagi untuk memantau keadaan dan cuba membetulkan keadaan di sana. Daripada segi UMK pula, kita akan mendapatkan lebih maklumat terperinci sebelum kita mengambil tindakan yang sewajarnya. Akan tetapi, kita akan memastikan tidak ada penyalahgunaan kuasa dalam aspek akademik ini kerana ini sangat penting dan kita tidak boleh memberi satu gambaran yang tidak betul kepada pelajar-pelajar. Saya sedar ibu bapa, pelajar-pelajar telah menggunakan banyak harta benda mereka untuk menjadi seorang graduan dalam bidang-bidang tertentu. Kita tidak mahu mereka terpedaya. Terima kasih kerana memberikan kita maklumat itu.

Yang Berhormat Batu Gajah dan juga Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bertanyakan tentang isu PTPTN dan juga kolej kejururawatan. Kita sedar ada beberapa isu. Kita akan cuba mengatasi masalah ini seberapa banyak yang boleh, penempatan mereka yang memerlukan dan kita sekarang lebih dengan izin, careful untuk memastikan pemberian PTPTN ini. Malah dalam Dewan ini, Pengerusi PTPTN pun berada bersama kita. Mereka pun sekarang mengambil pendekatan yang berbeza untuk memastikan, memberi bantuan PTPTN kepada kolej-kolej yang memenuhi segala syarat-syarat dan juga kelayakan-kelayakan mereka itu diterima oleh Majlis Akreditasi dan unjuran juga dilakukan untuk pengambilan baru dan sebagainya. Yang Berhormat Kapar akan saya dapatkan maklumat ini kerana maklumat baru. Apabila saya dapat maklumat, saya akan berkongsi maklumat dengan Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Tebrau, saya ambil cadangan dan nasihat Yang Berhormat.

Yang Berhormat Lenggong, kita sentiasa memantau pelajar-pelajar dari luar negara, sentiasa. Bukan satu perkara yang dilakukan sebulan sekali atau seminggu sekali, sentiasa memantau. Setiap IPTS dan juga IPTA, ada tanggungjawab sendiri untuk memastikan pas-pas yang diberikan kepada mereka tidak disalahgunakan. Saya juga mohon kerjasama kepada sesiapa yang ada maklumat-maklumat yang mana pas pelajar ini disalah guna, beri laporan kepada kita dan juga Kementerian Dalam Negeri supaya tindakan dapat diambil. Kita harus sedar dalam masa ada pelajar-pelajar, mungkin ada segelintir pelajar-pelajar yang menyalahgunakan pas. Majoriti daripada pelajar-pelajar yang datang dari luar negara memang berniat untuk melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan akademik mereka cemerlang dan tamat di Malaysia kerana mereka percaya dengan sistem pendidikan universiti-universiti yang ada di sini. Itu satu pengiktirafan yang kita terima.

Yang Berhormat Limbang, saya akan menyemak status permohonan Board of Technology yang diungkit oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Kita akan semak dan akan berikan maklumat itu kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan, saya juga mendengar apa yang dicadangkan dan juga segala isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Saya akan respons kalau sempat sebelum akhir hujah saya. Kalau tidak, secara peribadi saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat apa sebenarnya statusnya. Yang Berhormat Parit, kita akan kaji. Apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat, kita akan kaji kesesuaian dan cadangan Yang Berhormat. Kalau ada [Disampuk] Kalau tidak hendak kajian, hendak buat apa? [Disampuk] Sabarlah ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Bangun]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh bangun.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sabar. Saya hendak teruskan dahulu. Nanti kalau ada ruang saya beri kepada Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tidak ada. Kalau sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit. Tidak apa. Sabar dahulu. *I will give it, I will surely give you a space.*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Seputeh baru masuk. Dia baru *punch card* itu.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tidak apa, tidak apa. Hasrat dia baik.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri, sila.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Akan tetapi pastikan ada dalam Dewan. Nanti bila saya tengok Yang Berhormat tidak ada, susah pula [Ketawa] Tolong. Dia sibuk. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, saya teruskan. Yang Berhormat Parit Buntar tadi juga membangkitkan isu Sistem Latihan 1Malaysia. Yang Berhormat, saya mohon maaf. Saya tidak dapat memberikan jawapan kerana Sistem Latihan 1Malaysia di bawah bidang kuasa EPU, Jabatan Perdana Menteri. Maka saya akan berikan kepada mereka. Mungkin Yang Berhormat boleh dapat maklumat terperinci daripada pihak mereka juga. Yang Berhormat Kinabatangan juga membangkitkan isu PBS.

Kementerian seperti mana yang telah saya katakan tadi Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia amat peka dengan masalah capaian internet. Integrasi sistem akan diselaraskan pada tahun- untuk maklumat Yang Berhormat, saya sendiri telah mendapat satu password diberi pinjam oleh seorang guru untuk menggunakan sistem. Apakah masalahnya? Saya setuju benar. 1Data1Murid, masuk save dua minit, to save satu dokumen, dengan izin, mengambil masa dua minit. Katakanlah seorang guru ada tiga kelas. Setiap kelas ada 30 orang murid, 90 murid dua minit, tiga jam. Tidak boleh tahan. Saya setuju. Kita sedar seperti mana yang saya kata awal tadi, kita mencari cara dan salah satu caranya ialah untuk mempercepatkan internet dan kalau semua berjalan lancar, Januari nanti ia akan lebih pantaskan sistemnya baik, caranya baik tetapi sistem internet ini saja yang masalah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau tidak berjalan lancar, macam mana?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *We will cross the river when we reach the bridge* [Dewan riuh]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *If the bridge is burn, how?*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *No, the bridge... We don't even reach the river* Yang Berhormat [Dewan riuh]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey [Dewan riuh]



**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *We have not even reach the river dengan izin* [Dewan riuh]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Then reach the river.*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Dengan izin ya, dengan izin.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya setuju. Kita mesti pastikan bahawa sistem ini boleh jalan, barulah kita laksanakan ini. Kita tidak boleh lah sekarang buat ujian dengan guru-guru kita sekarang, saya rasa ini tidak *fair*.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya belum beri laluan, tapi tidak mengapa lah Yang Berhormat saya beri juga laluan ya. Tidak mengapa, no problem. Saya faham Yang Berhormat, bukan Yang Berhormat sahaja rasa masalah ini. Kita semua di sini pun, kita di kementerian, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, sahabat-sababat di sebelah sana semua rasa. Akan tetapi yang baiknya bukankah kita semua hendak ringankan beban guru? Ya, kalau itu jawapannya, sabar sedikit. Ini cadangan yang kita buat ini memang merupakan cadangan yang dibawa daripada guru-guru. Kita hendak cari penyelesaian. Dalam proses melaksanakan ini ada kekangan. Kita sedar, nasib baik sekarang cuti sekolah, kita boleh selesaikan masalah. Okey. Bila Januari mula kita akan- *we don't know there is a river* Yang Berhormat Kinabatangan ya. *We don't know, let us reach the river then we cross the bridge.* Ya dengan izin, saya teruskan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya dengan izin.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya teruskan ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Instrumen pentaksiran tidak hanya...

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ya?

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Mohon laluan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sabar, ini PBS ada dua page. I can jawab you, and I give it to you, tolong. Saya faham, sebentar ya, sebentar Yang Berhormat. Instrumen pentaksiran tidak hanya berbentuk ujian pen dan pensel, pentaksiran boleh dibuat dengan pelbagai cara seperti pemerhatian, soal jawab, latihan murid sendiri boleh dijadikan *evidence*. Penandaan *evidence* di dalam SPPBS juga telah dipermudahkan. Di dalam SPPBS, guru hanya perlu menandakan *evidence* yang dikuasai sahaja. Ban akan dijana secara automatik apabila semua *evidence* dikuasai bagi murid yang tidak menguasai kemahiran, maka guru perlu memberi latihan dan bantuan agar murid dapat menguasai sesuatu kemahiran. Daripada maklumat pencapaian dan *evidence*, penguasaan penting untuk mengambil tindakan *remedial*, dengan izin untuk tujuan peningkatan pencapaian daripada Band 1 ke Band 6. Kementerian Pendidikan Malaysia ambil maklum sistem, sama tadi. Okey Yang Berhormat Temerloh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Temerloh, sila.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tegaskan perkataan atau pun ucapan untuk meningkatkan keupayaan *server* ini sudah lama sebenarnya kita dengar. Daripada awal dulu lagi rungutan berkait dengan PBS ini sudah lama tetapi tidak selesai. Bila kita bangkitkan hari ini dan diminta supaya kita tangguhkan, disebut bahawa kita akan tunggu sampai ke akhir tahun ini. Akan tetapi, persoalan kita ialah saya juga dapat maklumat katanya PBS ini akan dibekukan pada 30 November ini, apakah itu betul? Kalau nantinya akhir tahun ini tidak selesai juga masalah peningkatan tahap *server* ini, apakah PBS ini juga akan terus berlanjutan untuk tahun depan dan sekali lagi guru terpaksa terbeban dengan keadaan ini? Terima kasih.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh sedikit lagi Yang Berhormat? Sambung. Yang Berhormat saya mahu tanya satu perkara, manusia yang brilliant mana yang membawa sistem PBS ini? [Ketawa] Idea siapa yang membawa ini? Kedua, negara mana yg menjadi contoh kepada kita tentang PBS ini? Contohnya di Eropah, di sebelah mana, kita laksanakan sistem ini?. Oleh sebab apa yang saya tahu negara Eropah sekarang ini mereka mempergiatkan untuk memperkasakan pelajar-pelajar mereka dalam bidang penguasaan ilmu, teknologi. Kalau kita ada seperti GiatMARA, kita *upgrade* pergi kolej GiatMARA. Kita boleh melahirkan *engineer*, *architect* dan sebagainya. Akan tetapi kita saya nampak mundur ke belakang. Jadi siapa, manusia mana yang kita boleh kira sampai kementerian boleh terpengaruh dengan sistem ini? Ya, manusia mana yang melahirkan idea ini? Oleh sebab saya, tidak ada rasionalnya saya tengok idea ini dan kita bagi tempoh insya-Allah sampai tahun depan kalau ada 30 lagi SMS pengaduan sama saya, bermakna sistem ini tidak boleh pakai lah. Oleh sebab komputer *is always a computer*. Di kampung boleh mati, 'karan' boleh mati. Apabila elektrik mati, komputer ikut mati. Ganti komputer baru lagi. Itu masalah lagi. Akhirnya, pelajar-pelajar di luar bandar memang teraniaya. Kedua guru lambat tidur, dia masuk kelas, *moody*. Saya tengok pelajar-pelajar semua gred tiga, semua Ban 3 sebab dia tengok pelajar yang cermat pun dia tengok otak dia bercelaru, "Hah tiga dia ini" [Ketawa] Jadi, akhirnya kita kembali ke jalan yang tidak baik. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tuan Pengerusi, lepas Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Baik terima kasih Tuan Pengerusi. Persoalan saya begini, adakah kajian benar-benar dibuat sebelum kita perkenalkan PBS? Atau pun seolah-olah berlaku pada hari ini guru-guru menjadi bahan uji kaji semata-mata kerana kelebihan yang diterima adalah terlalu global, bukannya di cerita kita di tempat-tempat yang terpencil bahkan di kawasan saya sendiri, di kawasan Parlimen Kuala Nerus, dianggap kawasan bandar pun guru-guru menimbulkan persoalan capaian internet. Itu di kawasan yang masyhur, kawasan Gong Badak sebagai kawasan perindustrian pun isu yang sama. Jadi, bagi saya ialah sediakan prasarana terlebih dahulu dan kajian dibuat secara terperinci barulah kita teruskan PBS dan sekarang kita mesti tangguhkan PBS. Kedua, isu PBS ini ialah isu pemarkahan yang bersifat subjektif. Kalau disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi,

kalau *mood* guru ketika merekodkan maklumat pelajar dan sampai tiga jam tidak selesai lagi, *mood* marah itu akhirnya akan jadi cacamarba sahaja. Itu yang berlaku, terima kasih.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Padang Besar.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** [Bangun] [Menunjuk ke arah Yang Berhormat Seputeh]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh, ya.  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sini dulu, sini dulu.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat, pertama sekali...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sini dulu.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Okey-okey

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, janji dikotai ya. Di sini saya hendak bangkit satu isu sebenarnya yang pernah dibangkit oleh pemuda MIC pada 8 Mac tahun ini. Mereka telah menghantar satu memorandum kepada Kementerian Pengajian Tinggi berkenaan dengan Profesor Ridhuan Tee Abdullah yang dituduh *plagiarisme* oleh Dr. Airil Yasreen Mohd Yassin. Di sini saya ada tesis Ridhuan Tee Abdullah dekat sini dan juga saya ada yang Dr. Airil yang ini *website* dia. Saya tadi sudah tunjukkan kepada Yang Berhormat Kinabatangan dan kita lihat *word-by-word, line-by-line* daripada artikelnnya semua ini dan inilah tesis yang memberi kelayakan beliau untuk menjadi *associate profesor* dalam Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Selepas Pemuda MIC bangkitkan isu ini kepada kementerian dan selepas saya juga bangkitkan isu ini dalam ucapan dasar bajet yang lepas, Timbalan Menteri Pendidikan itu tidak menjawab langsung macam mengelakkan isu ini dan sekarang memang ada bukti di tangan saya ini.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap profesor yang *copycat*, artikel orang lain dan juga malah ada bukti menunjukkan dia salin tesis pelajarannya sendiri, dimasukkan sebagai sebahagian daripada artikel akademiknya. Jadi, kesemua tindak tanduk ini menjadikan pelajar kita begitu keliru khususnya dia mengajar tentang kursus *ethnic relation* dalam universiti itu yang mana beliau memang menghasut sesuatu kaum benci kepada kaum yang lain. Ada satu artikel yang disiarkan dalam Utusan Malaysia pada 18 Februari, beliau berkata tentang perayaan Thaipusam. Beliau berkata "Pernahkah kita bersungut ketika perayaan Thaipusam? Seminggu sebelum perayaan seluruh kawasan sekitar Batu Cave sesak, kenderaan di parkir sesuka hati, lautan manusia, satu warna berhimpun, seolah-olah tidak ada warna lain lagi di negara ini". Inilah pensyarah kita yang mengajar tentang *ethnic relation* dalam universiti yang melatih pakar tentera dan mungkin jeneral yang akan datang untuk negara ini. Orang yang begitu *rasict*, orang yang jadi *copycat* boleh lantik jadi profesor dalam satu universiti. Adakah Kementerian Pendidikan akan mengambil satu pendirian sekurang-kurangnya menyiasat, sekurang-kurangnya yang universiti itu harus ambil tindakan. Sudah pun Pemuda MIC membuat laporan ini, tidak ada tindakan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukuplah. Panjang...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya minta pandangan Yang Berhormat...

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** [Bangun]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Timbalan Menteri tentang ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Padang Besar.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat Padang Besar. Bagi *chance*...

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Saya ingin bercakap tentang sistem PBS ini. Jadi, pertama sekali Yang Berhormat, sebenarnya sebelum PBS ini kita ada sistem pangkalan data di mana pangkalan data ini untuk semua data-data murid, prestasi guru, untuk prestasi murid dan lain-lain. Jadi, mula-mula sistem APS selepas itu APDM, selepas itu SBS sebelum ke PBS ini. Akan tetapi sistem ini problem nya, ia tidak integrate. Jadi, sebelum sampai kepada PBS ini guru telah pun penat dari segi sistem data ini Yang Berhormat. Di mana mereka telah jemu dengan sistem ini yang sama sahaja.

Sistem ini kalau kita *key in* tidak masuk, *key in* tidak masuk, sebelum sampai PBS ini. Jadi, sistem ini kita integrate guru kena berulang-ulang buat benda yang sama. Jadi, ini yang menjadi masalah kepada guru. Selepas itu, untuk kita kurangkan beban guru. Saya berterima kasih kepada kementerian kerana kita hendak menyediakan pembantu guru, di mana kementerian mengumumkan kalau tidak silap saya 8,000 orang pembantu guru. Jadi, ini sesuatu yang baik tetapi sampai ke hari ini, tidak sampai lagi pembantu guru itu. Kita minta Yang Berhormat, kalau boleh kita nyatakan bilakah pembantu guru ini akan sampai untuk kita mengurangkan beban guru. Terima kasih.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tentang PBS Tuan Pengerusi.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat kemudian, biar saya selesaikan dahulu.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Okey.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih. Saya pun kluatir juga kerana ramai Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu, Tuan Pengerusi suruh saya menyiapkan jawapan pada pukul 7.30 petang, jadi saya tidak mahu ada soalan yang tidak terjawab. Minta maaf Yang Berhormat. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** *No problem.*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *Thank you. God bless you Sir,* dengan izin. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Temerloh bertanyakan tentang teknologi. Yang Berhormat,

masalahnya- biar saya jawab soalan ini, mungkin dapat menjadi jawapan kepada beberapa Ahli Yang Berhormat. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan kajian keberkesanan PBS di sekolah. Dapatan menunjukkan bahawa PBS telah dapat dilaksanakan dengan baik di sekolah. Walau bagaimanapun, capaian internet memang menjadi masalah. Kementerian Pendidikan Malaysia seperti mana yang telah saya katakan sebentar tadi, masih berusaha untuk menaiktarafkan. Ini apa yang kita lakukan sekarang. Memang benar November kita akan *shut down to integrate, move to a new system* supaya capaian internet ini lebih pantas, lebih laju. Yang Berhormat Kinabatangan, sistem ini bukan satu sistem unik yang pakai di Malaysia sahaja. Sistem ini sudah dipakai di negara-negara seperti UK, Australia, Kanada, Singapura. Ini permulaan, mungkin ada sedikit masalah. Akan tetapi sistemnya baik. Masalahnya ialah capaian internet. Saya bersetuju. Kita semua bersetuju bahawa capaian Internet ini menjadi masalah dan kita berusaha untuk menaiktarafkan capaian internet. Sekiranya kita dapat melaksanakan ini, maka sistem ini memang akan meringankan tugas.

Yang Berhormat Seputeh, saya beri peluang Yang Berhormat kerana Yang Berhormat kawan baik saya untuk membangkitkan isu bersangkut paut dengan bajet. Ini tidak ada kena mengena dengan bajet [Tepuk] Esok ada soalan lisan nombor empat, isu *plagiarism*, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat datang Dewan, tanya soalan tambahan, saya jawab okay. Kepada Yang Berhormat Padang Besar, saya berharap saya sudah menjawab soalan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak teruskan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya hendak buat *booking* dengan...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, esok bagi chance saya tanya soalan tambahan, soalan empat.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih ya [Dewan riuh]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Mana ada macam itu Yang Berhormat.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat, mengenai pembantu guru.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya teruskan ya. Tuan Pengerusi, saya teruskan.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat, tentang pembantu guru...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Mengenai pembantu guru ini kita akan laksanakan pada tahun depan. Semua ini akan secara stages. Sudah mula, program perintis di Melaka berjaya, kita akan mulakan tahun depan dalam keadaan *batch-by-batch*, dengan izin. Terima kasih. Yang Berhormat Kinabatangan dalam perbincangan beliau yang dicelah oleh Yang Berhormat Kota Bharu, pembekal internet tidak ada kemampuan. Syarikat pembekal internet yang telah dilantik melalui tender terbuka yang disertai hampir semua syarikat telekomunikasi tempatan. Spesifikasi yang terperinci berkaitan *connectivity* telah diberikan dan jawatankuasa teknikal telah mendapat penelitian sebelum syarikat dipilih ataupun dilantik.

Yang Berhormat Kinabatangan juga membangkitkan isu pelajar tidak dibenarkan mengikuti kursus yang dipohon. Yang Berhormat, pemilihan pelajar ke IPTA adalah berdasarkan kepada sistem meritokrasi sepenuhnya dengan mengambil kira 90 peratus markah akademik, ditambah 10 peratus markah kokurikulum yang akan menghasilkan markah merit. Pelajar yang menerima tawaran kemasukan adalah mengikut pilihan yang dipilih sendiri oleh pelajar yang memiliki pencapaian merit yang tinggi. Pelajar yang menerima tawaran di luar pilihan adalah disebabkan oleh faktor kalah dalam persaingan markah merit. Namun begitu, program alternatif yang ditawarkan adalah berdasarkan bidang-bidang pilihan yang juga dipilih oleh calon. Yang Berhormat Kinabatangan juga membangkitkan isu Sekolah Agama Rakyat, yang mana Yang Berhormat Kuala Nerus mencelah. Untuk melaksanakan PBS, semua sekolah memerlukan keperluan asas agar pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan. Ini soalan ringkas, jawapan ringkas tadi.

Yang Berhormat Bukit Bendera. Beberapa isu telah dibangkitkan oleh beliau. Janji tidak ditepati, Bajet 2013, taska OKU. Yang Berhormat, taska OKU di bawah bidang kuasa Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat. *Virtual Learning Environment* atau Pelantar Pembelajaran Maya. *Virtual Learning Environment*, dengan izin, adalah pembelajaran dalam persekitaran maya dengan adanya laman pembelajaran VLE di mana guru-guru boleh berkongsi bahan di laman pembelajaran tersebut. Jumlah laman semakin meningkat dengan adanya bengkel-bengkel perluasan pembangunan laman pembelajaran VLE. Maka guru-guru mempunyai pelbagai bahan yang boleh digunakan, latihan-latihan sebar luas VLE untuk pentadbir, guru dan murid untuk membudayakan penggunaan VLE di sekolah juga diadakan. Khidmat bantu juga dilaksanakan dan amalan terbaik dikongsi dengan sekolah-sekolah yang terlibat.

Yang Berhormat Bukit Bendera juga mengatakan sama ada Program Penutur Jati akan dilanjutkan. Program Penutur Jati akan dilanjutkan selama dua tahun lagi tetapi peruntukan RM208 juta itu untuk program-program lain juga, termasuk Program Penutur Jati. Bukan Program Penutur Jati sahaja ya. Untuk isu Syarikat SMR HR. SMR HR ini juga terlibat dalam *English Language Training* (ELT), dengan izin. Bukan hanya dalam pengurusan sumber manusia, mereka ada terlibat dalam *English Language Training Centre* ini juga. Dalam aspek seperti mana Yang Berhormat Bukit Bendera bangkitkan, status terkini Program *MyBrain15*. *MyBrain15* akan diteruskan sehingga tahun 2015 disebabkan pelaksanaan Program *MyBrain15* diwujudkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, maka pelaksanaan bagi 2016 hingga 2020 akan diteruskan sekiranya diluluskan oleh kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Bilangan pensyarah di IPTA yang ada PhD buat masa sekarang ialah sebanyak 15,136 orang.

Yang Berhormat Bukit Bendera membangkitkan tentang isu 4% kanak-kanak sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kadar penyertaan murid dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran, antaranya termasuklah:

- a) memperkasakan pendidikan vokasional;
- b) Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli;
- c) menambahbaikkan kemudahan asas;
- d) memperbanyakkan program motivasi;
- e) meningkatkan kesedaran ibu bapa; dan

- f) mewujudkan dan memperluaskan program-program bantuan seperti menyediakan bantuan awal persekolahan, pemansuhan yuran persekolahan, Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan, Skim Baucar Tuisyen dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin.

Selain daripada itu juga Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan kemudahan asrama di sekolah-sekolah terpilih dalam usaha untuk mengatasi keciciran. Kementerian Pendidikan Malaysia berkeyakinan langkah-langkah tersebut akan dapat mengatasi masalah keciciran dalam kalangan murid. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera, yang mana celahan Yang Berhormat Sungai Petani. Sekolah aliran Inggeris perlu dibuka. Buat masa ini kementerian tidak berhasrat untuk menubuhkan sekolah aliran Inggeris. Penekanan kepada penguasaan dalam Bahasa Inggeris akan dilakukan melalui dasar MBMMBI.

Yang Berhormat Bukit Bendera mengatakan apakah *indicator* lain digunakan oleh KPM untuk mengukur kualiti IPTA selain daripada ranking universiti? Yang Berhormat, sememangnya Kementerian Pendidikan Malaysia tidak begitu memberikan penekanan kepada ranking. Namun begitu dalam mengukur kualiti IPTA, Kementerian Pendidikan Malaysia memberikan penekanan kepada pengukuran, sebagai contohnya penerbitan dalam jurnal berindeks. Jumlah pelajar PhD yang digraduatekan. Kebolehpasaran graduan IPTA. Ranking SETARA juga digunakan untuk mengukur kualiti IPTA. Di samping itu pengukuran juga ditekan kepada sesuatu bidang ilmu sebagaimana pengiktirafan *Association of Advance Collegues School of Business* dengan izin, AACSB ke atas *Putera Business School*, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan merupakan yang pertama diperolehi di Malaysia oleh sekolah perniagaan dan pengurusan.

Yang Berhormat juga membangkitkan isu tenaga pengajar di universiti, tutor di universiti yang mana Yang Berhormat Pandan mencelah. Lantikan tutor di IPTA bukan bertaraf tetap mahupun kontrak. Pegawai yang dilantik perlu menamatkan pengajian di peringkat Sarjana sebelum dipertimbangkan lantikan tetap oleh IPTA berkenaan. Oleh itu pegawai tidak layak cuti bersalin sebagaimana yang diperuntukkan kepada pegawai kontrak dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.2/2008 dan Pegawai Tetap dalam Perintah Am, Bab 'C'.

Yang Berhormat Jerantut membangkitkan isu dua sekolah alami masalah di kawasan beliau. Kementerian sentiasa komited untuk memperbaiki kemudahan walau dalam keadaan kekangan peruntukan. Namun demikian, untuk isu-isu yang telah dibangkitkan, saya berharap Yang Berhormat dapat kemukakan maklumat tepat nama sekolah yang dimaksudkan untuk tindakan susulan kementerian. Yang Berhormat Jerantut juga membangkitkan isu beban tugas yang mana telah saya beri jawapan apabila menjawab soalan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai. Tentang aspek teknologi maklumat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerantut, antara...

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** [Bangun]

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Dipersilakan.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berbalik kepada isu program mentor penutur jati yang mana Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahawa program akan dilanjutkan selama dua tahun. Adakah syarikat-syarikat perunding yang sama dilantik dan pada kos yang sama? Dan juga saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri atas dasar apakah yang kementerian membuat keputusan untuk

melanjutkan program ini memandangkan sudah tiga tahun dilaksanakan tetapi keputusan bahasa Inggeris UPSR telah merosot. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan:** Yang Berhormat, saya akan berikan jawapan itu secara bertulis kepada Yang Berhormat ada tadi, *I will give it to you*. Kerana *I want to go back*, ia ambil masa, saya hendak cuba jimatkan masa. Akan tetapi *I will assure you I give the answers*. Okey? Terima kasih mohon dengan izin. Isu teknologi maklumat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerantut, antara kekangan dalam merangkaikan sekolah dengan capaian internet adalah sekolah-sekolah di pedalaman yang tidak mempunyai akses internet yang baik.

Walau bagaimanapun, 1BestariNet adalah satu usaha kerajaan untuk mengadakan kemudahan jalur lebar di semua sekolah tanpa mengira di bandar atau luar bandar. Oleh itu penyediaan jalur lebar sekurang-kurangnya dua Mbps dilaksanakan untuk memastikan sekolah dapat mengoptimumkan penggunaan ICT dalam PDP, pengintegrasian SPS dan SPPBS juga dilaksanakan untuk menambahbaikkan capaian kepada sistem dan memudahkan guru mengemas kini data murid.

Yang Berhormat Jerantut juga membangkitkan isu pembinaan sekolah kebangsaan di Kampung Padang dan Sekolah Kebangsaan Jerantut Indah. Berdasarkan semakan kementerian, permohonan bagi membina sekolah kebangsaan di Kampung Padang dan Sekolah Kebangsaan Jerantut Indah telah pun dipohon dalam Rolling Plan Keempat bagi pelaksanaan tahun 2015. Kelulusan permohonan ini bagaimanapun adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara. Isu kekurangan peruntukan untuk penyelenggaraan institusi. Kementerian sentiasa komited dalam usaha untuk membaik pulih dan menyelenggarakan institusi-institusi pendidikan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, peruntukan yang diterima adalah terhad bergantung pada keupayaan kewangan negara. Oleh yang demikian, kementerian akan memberi keutamaan kepada keperluan penyelenggaraan institusi yang lebih mendesak.

Yang Berhormat Jerantut membangkitkan isu mata pelajaran Pendidikan Islam perlu dikaji semula. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Jerantut, kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam sentiasa dibuat penambahbaikan seperti mana mata pelajaran yang lain. Terkini, mata pelajaran ini sedang ditambah baik melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dengan memasukkan elemen-elemen berkemahiran berfikir aras tinggi hebat, konsep wasatiyyah dan sebagainya. Di antara penambahbaikan Pendidikan Islam dalam KSSR dan KSSM, tahap pencapaian murid dibahagikan kepada enam tahap iaitu:

- a) tahap satu - ilmu. Murid dapat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan sahsiah;
- b) tahap kedua – amali. Murid dapat melaksanakan ilmu secara praktikal;
- c) tahap ketiga – amalan. Murid dapat mengaplikasikan ilmu dengan betul dan tepat;
- d) tahap keempat – iltizam. Murid dapat melaksanakan amalan ibadat secara bersungguh-sungguh;
- e) tahap kelima – penghayatan. Murid dapat menaakul dan dapat memahami kenapa mereka melakukan sesuatu amalan; dan
- f) tahap keenam – tabiat. Murid laksanakan amalan sebagai amalan kebiasaan atau menjadi tabiat



Selain itu, penilaian amali dan fardhu ain yang telah dilaksanakan di Kementerian Pendidikan Malaysia akan terus diperkasakan supaya murid-murid dapat menghayati kehidupan sebagai seorang Muslim sejati. Yang Berhormat Jerantut membangkitkan isu mohon program j-QAF dipanjangkan ke sekolah menengah. Yang Berhormat, pada tahun lepas Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan telah mengumumkan penangguhan pelaksanaan program j-QAF sekolah menengah sehingga isu pelaksanaan program j-QAF sekolah rendah selesai. Di antara isu-isu di sekolah rendah adalah seperti berikut:

- a) isu kekurangan guru j-QAF; dan
- b) program j-QAF belum dapat dilaksanakan di semua sekolah rendah.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah-langkah berikut untuk menyelesaikan isu-isu j-QAF di sekolah rendah:

- a) perluasan program j-QAF di semua sekolah rendah tahun 2013; dan
- b) norma baharu, guru Pendidikan Islam termasuk guru j-QAF.

Kementerian Pendidikan Malaysia komited untuk meneruskan program j-QAF ke sekolah menengah setelah isu-isu berkaitan di sekolah rendah selesai dan meneliti pelaporan kajian serta penyelidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan IPTA seperti UKM mengenai pemeraksanaan program j-QAF dalam transformasi sistem Pendidikan Islam di Malaysia.

Yang Berhormat Batu Pahat, dalam apabila membangkitkan isu keselamatan di sekolah yang mana Yang Berhormat Batu Kawan mencelah. Kementerian telah menggariskan peranan pentadbir-pentadbir kontrak bagi setiap peringkat yang merangkumi peringkat kementerian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan juga sekolah. Setiap peringkat tersebut haruslah menjalankan tanggungjawab dan peranan masing-masing dalam memastikan mutu perkhidmatan mencapai tahap yang disasarkan.

Yang Berhormat Batu Pahat juga apabila membangkitkan isu peruntukan kepada sekolah-sekolah bantuan modal, Yang Berhormat Batu Kawan mencelah. Antara isu, "*1student, 1table, 1chair*" dengan izin. Kementerian telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar di dalam Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pakej Rangsangan Khas untuk menyelenggarakan dan kelengkapan di sekolah-sekolah bantuan modal seperti SJK(T) dan SJK(C). Memandangkan sekolah-sekolah bantuan modal diuruskan oleh Lembaga Pengelola Sekolah masing-masing, maka adalah terpulang kepada kebijaksanaan Lembaga Pengelola Sekolah tersebut untuk membelanjakan peruntukan-peruntukan yang telah diturunkan dan memastikan para pelajar dilengkapi dengan kemudahan yang secukupnya.

Yang Berhormat Batu Pahat membangkitkan isu prasarana sekolah di pedalaman amat daif terutama di Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat, kementerian sentiasa berusaha untuk menyediakan prasarana yang sempurna kepada semua murid. Peruntukan juga diberikan untuk pembangunan infrastruktur dan lestari kepada semua jenis sekolah dalam memastikan semua murid menerima pendidikan yang sempurna dalam suasana yang kondusif.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil untuk menangani isu-isu sekolah daif ialah dengan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi kerja-kerja naik taraf, penyelenggaraan, peralatan dan kecemasan mengikut keutamaan berdasarkan criticality sesuatu projek yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberikan

bagi kes-kes kecemasan dan kritikal terlebih dahulu memandangkan peruntukan yang diluluskan adalah terhad.

Walau bagaimanapun, jika keadaan kritikal dan dalam keadaan mendesak, mana-mana sekolah boleh membuat permohonan melalui jabatan pendidikan negeri masing-masing. Skop latihan perlu diperluaskan kepada watak guru yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat. Salah satu daripada 11 anjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia adalah untuk menumpukan kepada mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan guru berkualiti dan menepati keperluan semasa.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Gajah bangun Yang Berhormat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Boleh saya habiskan yang ini sedikit Yang Berhormat? Terima kasih. Yang Berhormat Batu Pahat, kami juga, saya juga sedar profesion guru ini satu profesion yang begitu murni. Satu profesion yang bukan semua orang boleh menjadi guru. Bagi saya profesion guru lebih hebat daripada seorang doktor. Memang tidak dapat dinafikan doktor menyelamatkan nyawa. Mungkin satu, sepuluh, seratus ribu nyawa tetapi seorang guru menyelamatkan satu generasi. Kita sedar, maka kepentingan untuk menambah baik profesion perguruan ini merupakan salah satu agenda utama dalam anjakan ini. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang Lembaga Pengelola Sekolah. Saya hendak bangkitkan satu perkara penting berkaitan dengan Lembaga Pengelola Sekolah ini. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa walaupun ia adalah satu syarat dalam Akta Pelajaran tetapi saya difahamkan banyak sekolah terutamanya sekolah-sekolah Tamil, tidak mempunyai Lembaga Pengelola Sekolah ini. PIBG ada tetapi Lembaga Pengelola Sekolah itu tidak ada. Apakah inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa Lembaga Pengelola Sekolah ini wujud di semua sekolah-Sekolah Tamil supaya kebajikan sekolah-sekolah Tamil ini dapat diperbaiki. Ia adalah penting kerana ia juga adalah salah satu syarat dalam Akta Pelajaran. Saya rasa kerajaan harus mengambil satu langkah ataupun inisiatif untuk memastikan bahawa semua sekolah mempunyai Lembaga Pengelola Sekolah ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Batu Pahat. Tuan Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat Menteri. Guru menyelamatkan generasi, doktor menyelamatkan nyawa. Satu kenyataan yang sangat lunak, menyenangkan hati para pendidik semua dan tentunya menyenangkan hati ibu bapa juga kerana guru-guru dapat memainkan peranan yang demikian. Persoalannya Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri, itulah sebab kita sangat menekankan tentang sesuatu perubahan itu harus dilihat secara holistik. Kalau misalnya kita menyebut soal PBS, ia bukan soal sistem sahaja. Ia bukan soal komputer sahaja tetapi ia melibatkan soal kaedah pengajaran, pembelajaran. Ia melibatkan soal *assessment*, pentaksiran

yang kita hendak lihat hanya menerusi pemerhatian yang akhirnya diperhatikan, akhirnya dapat Ban 3 sahaja.

Ia bukan soal beban guru, soal yang berkaitan dengan penaksiran itu sahaja tetapi berkait dengan bebanan lain. Jadi maknanya, mesej kita Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi ialah supaya melihat perubahan ini secara serius, holistik dan sistematik. Ini kerana satu perubahan itu ia melibatkan yang lain. Kita sebutkan istilah, yang secara sistematik dan holistik. Ia macam kalau gigi sakit, *the whole body* sakit. Saya barangkali nanti ajak Yang Berhormat Menteri datang ke Batu Pahat dan saya panggil satu sesi guru-guru menerangkan terus terang. I was a teacher, saya bekas guru, saya bekas pengetua, saya bekas pensyarah dan saya tahu bagaimana sikap guru kalau berhadapan dengan bosnya yang lebih besar. Bosnya yang lebih atas. Selalunya jarang hendak bercakap dan hendak memberitahu, terutama kalau guru-guru kita di luar bandar, semua bagus. Jadi, saya ajak Yang Berhormat Menteri supaya we solve this problem, jangan ditangguhkan. Kesannya banyak. Tadi kalau sekolah tidak ada elektrik, kemudahan tidak ada, macam mana hendak melaksanakan semua sistem ini. Jadi, ia berkait antara satu sama lain. Terima kasih Tuan Pengerusi. ]

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Bukan tabiat saya untuk *cut short*.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Menteri. Sekejap, Hulu Rejang Yang Berhormat Menteri.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sebentar. Boleh saya bagi penjelasan sedikit? Saya ada masa yang singkat. Saya hendak menjawab seberapa banyak soalan yang saya boleh. Akan tetapi kalau ada pencelahan begini, sahabat-sahabat kita yang lain telah membangkitkan soalan akan rasa kecewa. Tolong berikan saya peluang untuk menyelesaikan semua. Kalau ada masa, tolong bangkitkan soalan kepada saya secara individu dan saya akan cuba menjawab.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab yang Kuantan ya?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tidak ada. Yang Berhormat, bukan Kuantan sahaja. Ramai Yang Berhormat di sini.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Akan tetapi Kuantan saya minta khas, mesti jawab.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat, tidak begitu. Kalau sempat, saya akan jawab, kalau tidak sempat, saya akan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat. Itu betul. Yang Berhormat Batu Gajah. Saya sendiri akan mengambil inisiatif untuk memastikan semua LPS diwujudkan. Dalam proses, kita telah mewujudkan. Saya tahu ada masalah tetapi Jabatan Pendidikan Negeri bekerjasama secara sepenuh-penuhnya untuk memastikan penubuhan LPS ini. Saya sendiri akan memastikan ia dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Ini komitmen kementerian agar semua LPS di sekolah-sekolah Tamil ini dapat ditubuhkan, diwujudkan secepat mungkin. Ada masalah sedikit. Itu masalah dalaman tetapi perkara-perkara itu kita boleh diselesaikan. Tidak ada masalah. Akan tetapi saya memberi komitmen, kita akan cuba menubuhkan LPS ini dalam semua sekolah Tamil dalam masa

terdekat. Sekiranya ada kerjasama sepenuhnya daripada pihak pengurusan sekolah, PIBG. Tidak ada masalah.

Yang Berhormat Batu Pahat, saya ambil pandangan. Saya setuju. Oleh kerana itulah kita dalam 11 anjakan itu, profesion perguruan ini kita beri satu kepentingan yang begitu penting untuk menambah baik profesion perguruan. Malah Timbalan Menteri I, seorang guru cemerlang dari Sabah menjadi seorang memang vokal apabila kita membangkitkan isu guru dalam aspek perbincangan dalam kementerian. Saya terus kepada jawapan-jawapannya.

Yang Berhormat Batu Pahat juga membangkitkan isu sekolah bantuan modal sering dianaktirikan yang mana Yang Berhormat Batu Kawan memberi celahan. Tiap-tiap tahun Yang Berhormat, kerajaan menyalurkan peruntukan belanja mengurus dan bantuan persekolahan bagi pelaksanaan proses P&P kepada semua sekolah. Antara bantuan yang diberikan melibatkan bantuan geran per kapita, bantuan geran per kapita prasekolah, bantuan kurikulum sekolah, bantuan kurikulum prasekolah, bantuan makanan prasekolah, bantuan makanan asrama, bantuan bayaran tambahan persekolahan, bantuan terus kepada murid seperti Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, elaun murid keperluan khas dan juga diberikan berasaskan kelayakan dan kriteria yang ditetapkan kepada semua murid.

*Outcome based*, ada *outcome* untuk semua program, Yang Berhormat Batu Pahat juga membangkitkan. Pengurangan peruntukan RM8 juta itu hanya sebanyak 8 peratus sahaja. Tidak memberikan kesan yang ketara memandangkan prestasi perbelanjaan tahun lepas dan tahun semasa menunjukkan peruntukan yang sedia ada masih mampu menampung pelaksanaan program ini tanpa menjejaskan prestasi pelaksanaannya. Kementerian Pendidikan Malaysia akan menyemak dan memberi pertimbangan yang sewajarnya, tertakluk kepada peruntukan keseluruhan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Yang Berhormat Batu Pahat, tentang isu dasar dan sistem yang tidak membantu, hanya mengajar akademik, yang mana pencelahan dibuat oleh Yang Berhormat Kuala Nerus. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa prihatin terhadap Pendidikan Islam. Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah seperti berikut:

- a) program j-QAF di sekolah rendah telah diperluaskan kesemua sekolah rendah di seluruh negara pada tahun 2013. Elemen penting dalam program j-QAF adalah memberi penekanan kepada pemulihan Jawi, boleh membaca Al-Quran dengan betul, menguasai asas-asas bahasa Arab dan mengamalkan fardu ain dengan sempurna seperti mendirikan solat. Kementerian Pendidikan Malaysia memberi peruntukan khas setiap tahun untuk melaksanakan Kem Bestari Solat kepada seluruh sekolah rendah yang telah melaksanakan program j-QAF, kurikulum Pendidikan Islam dalam KSSR dan KSSM. Keseluruhannya merangkumi amali dan praktikal sebagai nilai tambah kepada kurikulum sedia;
- b) dalam pakej Rancangan Khas 2009/2012, sebanyak 140 SABK telah menerima peruntukan penyelenggaraan dan naik taraf. Ia bertujuan untuk memberi keselesaan prasarana dan fizikal yang kondusif kepada murid-murid di SABK. Program peningkatan prestasi akademik di SMKA dan SABK sejak tahun 2009/2013 telah melonjakkan pencapaian cemerlang sekolah-sekolah berkenaan. Contohnya, 43 buah sekolah SABK telah menerima tawaran baru, *the new deal*, dengan izin, lapan buah sekolah agama menerima anugerah Sekolah Berprestasi Tinggi dan 20 SMKA dan SABK diiktiraf sebagai

Sekolah Kluster Kecemerlangan. Pencapaian peningkatan Band sekolah dalam NKRA juga menunjukkan ada juga peningkatan. Sejumlah 41 SABK telah berada di Band 1, 2 dan 3, manakala di Band 7 tiada SABK yang berada dalam Band tersebut. Sejumlah 45 SMKA telah berada di Band 1, 2 dan 3 manakala di Band 6 dan 7 tiada SMKA yang berada dalam Band tersebut.

Isu prasarana sekolah di pedalaman amat daif terutama Sabah dan Sarawak. Kementerian sentiasa berusaha untuk menyediakan prasarana yang sempurna kepada semua murid. Peruntukan juga diberikan untuk pembangunan infrastruktur dan lestari kepada semua jenis sekolah dalam memastikan semua murid menerima pendidikan yang sempurna dalam suasana yang kondusif. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil untuk menangani isu sekolah daif ialah dengan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi kerja-kerja naik taraf, penyelenggaraan, peralatan dan kecemasan mengikut keutamaan berdasarkan *criticality* sesuatu projek yang dicadangkan.

Walau bagaimanapun, keutamaan yang diberikan bagi kes-kes kecemasan dan kritikal terlebih dahulu memandangkan peruntukan yang diluluskan adalah terhad. Jika keadaan kritikal dan keadaan mendesak, mana-mana sekolah boleh membuat permohonan melalui Jabatan Pelajaran masing-masing. Sistem pelaksanaan pembinaan Sekolah (K9) di RTS Pos Kemar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik. Program Sekolah (K9) di Pos Kemar telah pun beroperasi dengan menggunakan bangunan sedia ada. Walau bagaimanapun, bangunan sedia ada tidak mencukupi untuk menampung pelajar-pelajar yang ada. Oleh yang demikian, pembinaan blok tambahan di Sekolah (K9) di Pos Kemar dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa 1 bangunan tambahan telah pun siap dan dijangka diserahkan pada Disember 2013. Skop Fasa 1 merangkumi empat bilik darjah dengan asrama untuk 60 pelajar. Fasa 2- pelaksanaan Fasa 2 dijangka akan dimulakan pada suku tahun pertama 2014. Skop Fasa 2 merangkumi 12 bilik darjah dan asrama untuk 200 orang pelajar.

Yang Berhormat Gerik juga membangkitkan isu, sejauh mana pelaksanaan kolej vokasional diiktiraf. Diploma Vokasional Malaysia sedang *diverify*, dengan izin oleh *Malaysian Qualification Agency* (MQA) untuk diiktiraf oleh kerajaan.

Yang Berhormat Gerik juga membangkitkan isu anak jalanan tanpa dokumen SBJK atau Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih di Chow Kit, diberi peluang kepada mereka. Kementerian mengambil maklumat cadangan berkaitan sekolah yang berkonsepkan pendidikan alternatif seperti yang telah dilaksanakan di Chow Kit. Walaupun untuk mendirikan sekolah berkenaan, kesesuaian lokasi dan muridnya adalah keutamaan Kementerian Pendidikan Malaysia, selain daripada kemampuan kewangan kerajaan. Ini merupakan dasar pembelajaran *learning for all*. Yang Berhormat Gerik juga membangkitkan isu cadangan dibina sekolah dalam bot atau *floating boat*. Cadangan tersebut akan diteliti kesesuaiannya dan saya berharap pihak Ahli Yang Berhormat dijemput untuk membantu menjayakan program tersebut. Kementerian Pendidikan Malaysia juga mengalu-alukan penyertaan agensi kerajaan, swasta, NGO, GLC yang boleh membantu khususnya dari segi kewangan. Dalam aspek....

**Seorang Ahli:** [Bangun]

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Saya habiskan ini dulu Yang Berhormat. Dalam aspek pendidikan alternatif Yang Berhormat ya, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah sewajarnya dalam usaha menangani masalah kanak-kanak tanpa

dokumen. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Surat Pekeliling Ikhtisas 1/2009 bertarikh 11 Mac 2009 telah mengeluarkan arahan bahawa mana-mana kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen dan salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara, boleh didaftarkan sebagai murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan setelah mendapat surat pengesahan atau surat pengakuan daripada Ketua Kampung. Manakala bagi kanak-kanak yang bukan warganegara pula, kanak-kanak tersebut tidak dibenarkan mengikut pendidikan di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia telah memutuskan dasar pendidikan alternatif kepada kanak-kanak tersebut. Penglibatan pelbagai agensi dan NGO dalam membantu menjayakan pendidikan alternatif amat diharapkan. Cadangan tersebut akan diteliti kesesuaian dan saya berharap Ahli Yang Berhormat juga dijemput membantu menjayakan program seumpama ini. Tuan Pengerusi, saya gulung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya boleh. Kalau tidak sempat boleh jawab secara bertulis.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Memang tidak sempat Yang Berhormat kerana ada lima atau enam lagi Ahli Parlimen yang akan mengambil masa setengah jam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh jawab secara bertulis.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat, saya pohon sangat isu Sekolah St. Thomas ini dijawab kerana isu ini adalah isu yang perlu disegerakan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Yang Berhormat, bukan sahaja isu Yang Berhormat perlu disegerakan. Ramai lagi ahli Parlimen isu-isu semuanya penting.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Akan tetapi, mereka perlu pindah pada pindah bulan Disember. Mereka tidak ada sekolah. Mereka perlu tumpang sekolah. Yang lain ada isu-isu yang boleh tunggu. Tuan Pengerusi takkanlah...

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Yang Berhormat saya tidak beri laluan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan isu kanak-kanak, pelajar di Sekolah St. Thomas tidak penting bagi kementerian?

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Setakat ini sahaja yang dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh ahli Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Adakah itu yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri? Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menunjukkan perasaan tidak ambil tahu langsung berkenaan dengan pelajar di Sekolah St. Thomas.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Terdapat isu-isu yang dibangkitkan telah dijawab secara lisan di Dewan yang mulia ini, namun jika terdapat isu-isu yang tidak sempat dijawab ianya akan diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tidak kan lah macam ini?

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Saya sekali lagi mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan, teguran dan sokongan yang diberikan oleh ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kecemerlangan pendidikan negara.

**UCAPAN PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2014  
PERINGKAT DASAR OLEH YB DATUK MARY YAP KAIN CHING  
TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN I DI DEWAN NEGARA**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu sebagai mewakili Kementerian Pendidikan Malaysia, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana telah menyediakan peruntukan sebanyak RM54.6 bilion atau 21% daripada keseluruhan Bajet 2014 untuk Kementerian Pendidikan. Peruntukkan tersebut akan digunakan sebaik mungkin untuk menjayakan transformasi pendidikan demi melahirkan modal insan bertaraf dunia. Kementerian Pendidikan juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua 27 Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Bajet 2014 untuk Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya, memberi pandangan untuk meningkatkan lagi kualiti sistem pendidikan negara. Oleh itu, saya akan cuba sedaya upaya menjawab dan menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan sebaik mungkin ke atas perkara-perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa akan memastikan dasar atau pelan di rancang dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin untuk meningkatkan pencapaian dan keberhasilan pendidikan seperti yang di harapkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar dan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali. Sememangnya Laporan Pencapaian PISA 2012 telah menunjukkan penurunan dalam aspek sains dan bacaan. Akan tetapi telah berlaku peningkatan dalam Matematik. Untuk makluman Dewan yang mulia, seramai 5,250 orang murid yang berumur 15 tahun atau dari tingkatan tiga di 150 buah sekolah seluruh Malaysia telah menduduki ujian PISA tahun 2012, termasuklah dari 29 buah sekolah Sabah dan Sarawak. Oleh kerana pemilihan sekolah dan murid dibuat secara rawak dan hanya 1 peratus daripada keseluruhan murid pada tahap tersebut, maka keputusan yang diperolehi tidak memberi gambaran pencapaian sebenar murid di negara ini.

Namun, Kementerian Pendidikan tetap memandang berat perkara ini dan telah melaksanakan pelbagai strategi untuk memastikan pencapaian yang lebih baik pada masa hadapan. Antara strategi ialah membantu guru dan murid dalam mengubah proses pedagogi yang berorientasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KIBAT). Termasuk menyediakan bahan sumber yang lengkap, berinovasi dan berkualiti serta meningkatkan peratus kandungan KIBAT dalam soalan peperiksaan awam, menggubal format soalan-soalan peperiksaan seperti yang digunakan oleh PISA dan melaksanakan ujian mock test kepada murid yang terlibat dalam PISA 2015. Ingin juga di tegaskan bahawa ukuran kejayaan modal insan bukan berlandaskan kepada akademik semata-mata.

Sebaliknya, banyak kejayaan lain telah diraih oleh pelajar kita di peringkat antarabangsa seperti dalam bidang inovasi, penciptaan, sukan dan ko-kurikulum. Sebagai contohnya, pemenang pingat gangsa di Sukan Olimpik 2012, Pandelega Rinong anak Pang adalah merupakan pelajar Sekolah Sukan Bukit Jalil yang berjaya dan cemerlang dalam bidang sukan. Menyentuh tentang kewajaran melantik konsultan luar dalam merencanakan transformasi pendidikan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli dan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab meningkatkan sistem dan kualiti pendidikan di negara ini supaya setanding dengan negara luar dengan menggembeng tenaga



pakar tempatan dan antarabangsa.

Justeru, rasional penglibatan kepakaran antarabangsa adalah untuk membantu dan memastikan polisi yang digubal dan dirancang dapat dilaksanakan secara sistematik, berkualiti dan memberi impak yang signifikan kepada sistem pendidikan negara. Pakar-pakar runding yang dipilih adalah melalui prosedur perolehan yang ditetapkan termasuklah mengambil kira pengalaman mereka dalam bidang pendidikan di seluruh dunia. Sementara itu, program penutur jati bahasa Inggeris juga didapati telah memberikan impak positif dari segi minat, keyakinan murid dan *proficiency* mereka. Oleh itu, kementerian akan meneruskan program ini serta dengan penambahbaikan terhadap pelaksanaan program berkenaan. Selain itu, melalui dasar MBM-MBI, kementerian sedang berusaha untuk mengatasi isu kekurangan guru Bahasa Inggeris melalui mengoptimalkan kepakaran guru cemerlang bahasa Inggeris sedia ada dan melantik pesara guru Bahasa Inggeris yang layak sebagai guru kontrak seperti pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan prasarana pendidikan berada di tahap yang terbaik dan memenuhi keperluan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu. Ini termasuklah melaksanakan penambahbaikan dan penyelenggaraan infrastruktur sekolah, rumah guru, makmal sains dan makmal komputer, termasuklah pembinaan sekolah baru. Namun, perkara-perkara tersebut perlu diteliti dengan terperinci sebelum dapat dilaksanakan. Termasuklah dari segi aspek lokasi, kepadatan penduduk, kesesuaian tapak, perolehan tapak baru dan kedudukan kewangan kerajaan.

Untuk itu, kementerian akan memastikan setiap ringgit yang telah diperuntukkan kepada kementerian akan dibelanjakan sebaik mungkin mengikut perancangan yang telah ditetapkan seperti Anjakan Kesepuluh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, kementerian sentiasa memantau kemudahan infrastruktur sekolah seperti bekalan air, elektrik dan makmal sains melalui Jawatankuasa Pengauditan Kemudahan Fizikal Sekolah, KPM, JPN dan PBT, aduan rakyat mahupun ibu bapa. Pada masa kini, semua sekolah luar bandar mempunyai bekalan elektrik menerusi tiga kaedah iaitu solar hibrid, set jana kuasa dan talian grid. Mengenai bekalan air bersih pula, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang melaksanakan projek bekalan air bersih daripada air bawah tanah dan air bukit di 270 buah sekolah luar bandar. Sehingga kini sebanyak 191 buah sekolah telah mendapat bekalan air bersih, manakala bakinya masih dalam projek pelaksanaan penyediaan bekalan. Berhubung isu makmal komputer, kementerian sedang melaksanakan satu konsep baru iaitu makmal mudah alih di mana para pelajar boleh menggunakan komputer dan melayari internet di mana-mana sahaja dalam kawasan sekolah melalui kemudahan 1Murid 1Peranti yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, Projek Perkhidmatan 1BestariNet yang sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat merupakan program yang meningkatkan akses jalur lebar berkelajuan tinggi bagi kegunaan pengajaran dan pembelajaran. Bagi sekolah luar bandar, sebanyak 1,926 buah sekolah telah mendapat capaian internet melalui VSET dan 1,250 lagi dibekalkan dengan kelengkapan ICT berteknologi VDI Thin Client, dengan izin. Kementerian Pendidikan Malaysia berharap dengan kemudahan yang

disediakan ini, semua sekolah akan dapat menikmati capaian akses internet seperti yang disasarkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang isu persekolahan satu sesi oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, kementerian sedang berusaha secara berterusan untuk mengurangkan jumlah pengoperasian sekolah dua sesi kepada sekolah satu sesi yang merupakan salah satu inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Untuk makluman Dewan yang mulia, sehingga kini terdapat 1,432 buah sekolah yang masih beroperasi dua sesi daripada 10,094 buah sekolah di seluruh negara. Walau bagaimanapun, pelaksanaan sekolah satu sesi termasuk di Sabah perlu mengambil kira bilangan bilik darjah, penyediaan bangunan tambahan dan penambahan sekolah baru yang juga tertakluk kepada kedudukan kewangan negara.

Berhubung dengan keperluan prasekolah di bandar seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Sehingga kini, Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai 2,009 buah kelas prasekolah di mana 1,147 buah di kawasan bandar melibatkan 46,368 orang kanak-kanak berusia 4+ dan 5+. Perlu dijelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa terdapat juga agensi-agensi kerajaan seperti bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan pihak swasta yang bersama-sama menjayakan program prasekolah ini. Kementerian juga telah menyediakan bantuan yuran maksimum sebanyak RM150 kepada murid tadika swasta yang layak bagi mengurangkan beban ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke tadika swasta. Sementara itu pada tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia telah bercadang untuk memperluaskan kelas prasekolah sebanyak 55 buah lagi di seluruh negara. Daripada jumlah itu, sebanyak 41 buah kelas adalah di kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan keperluan yang mendesak untuk pendidikan prasekolah. Pada masa yang sama, perluasan pra sekolah di kawasan pedalaman termasuk penetapan Penan turut diberi perhatian seperti mana cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan dan Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok. Walau bagaimanapun, pembinaan prasekolah baru adalah bergantung kepada keperluan yang lebih mendesak dan kedudukan kewangan kerajaan.

Berkaitan kurikulum tadika KEMAS seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) mula dilaksanakan pada tahun 2010 di bawah inisiatif NKRA pendidikan prasekolah. Semua agensi pelaksana pendidikan prasekolah seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, KEMAS, JPNIN dan pihak swasta yang mendaftar dengan KPM adalah diwajibkan melaksanakan kurikulum tersebut. Oleh itu, tidak timbul berlakunya perbezaan di antara tadika KEMAS atau tadika perpaduan atau tadika swasta dengan prasekolah di sekolah kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong, pendidikan moral merupakan mata pelajaran teras yang diajar kepada murid-murid bukan Islam di peringkat sekolah rendah iaitu Tahun 1 hingga Tahun 6 dan sekolah menengah Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Ini bertujuan untuk membentuk insan yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global. Melalui mata pelajaran ini, 14 nilai dalam KSSR, 24 nilai untuk KBSR dan 36 nilai murni untuk sekolah menengah atau KBSM diajar sebagai nilai yang bersifat universal yang didokong oleh semua agama di Malaysia. Sebagai langkah pengukuhan, Kementerian Pendidikan Malaysia bercadang untuk memperkenalkan projek khidmat masyarakat dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah di bawah gelombang yang kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

tahun 2013 hingga 2025 bagi memupuk serta mengukuhkan semangat perpaduan dan nilai murni dalam kalangan murid.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Penambahbaikan Mata Pelajaran Sejarah untuk memantapkan kandungan Kurikulum Sejarah Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah (KSSM). Sejarah juga akan menjadi mata pelajaran yang wajib diajar di sekolah rendah Tahap 2 mulai tahun 2014. Dengan langkah penambahbaikan ini, semangat patriotisme dan cinta akan negara di kalangan murid akan dapat diperkukuhkan demi perpaduan dan kecintaan kepada negara. Berhubung dengan isu pencapaian LINUS di luar bandar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Program LINUS yang telah dilaksanakan mulai tahun 2010 telah berjaya memperlihatkan kejayaan di mana 98 peratus murid Tahun 3 telah menguasai Literasi Bahasa Malaysia manakala 99 peratus dapat menguasai Numerasi selepas 3 tahun persekolahan termasuk murid di luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, Kementerian Pendidikan Malaysia mendengar pandangan semua pihak tentang kedudukan Bahasa Malaysia di sekolah rendah jenis kebangsaan. Namun perlu ditegaskan di sini bahawa peruntukan masa 240 minit seminggu bagi Bahasa Malaysia Tahap 2 KSSR sekolah jenis kebangsaan akan dilaksanakan mulai tahun 2014. Bagi isu memartabatkan Bahasa Kebangsaan, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang dianggotai oleh semua sektor utama kerajaan, NGO, tokoh bahasa dan pihak swasta. Jawatankuasa ini telah pun merangka strategi-strategi untuk memperkasakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa utama dalam sektor pendidikan, kewangan, komunikasi, perundangan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bilangan dan kualiti universiti seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad dan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, pendidikan tinggi di Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang membanggakan dengan mempunyai 5 buah universiti penyelidikan. Satu universiti APEX, 4 universiti komprehensif, 11 universiti berfokus, 40 universiti swasta, 20 buah kolej universiti swasta, 8 kampus cawangan universiti luar negara, 30 buah politeknik dan 86 buah kolej komuniti. Dari segi pilihan pelajar antarabangsa, universiti di negara ini berada di kedudukan nombor ke-9 di dunia dengan jumlah pelajar antarabangsa telah mencapai lebih 80,000 orang dan semakin meningkat dari semasa ke semasa. Selain itu, IPT tempatan juga telah mencapai peningkatan sebanyak 430 peratus dalam aspek bilangan penyelidikan yang dilaksanakan dan pertambahan sebanyak 310 peratus penerbitan dalam jurnal per indeks. Pusat Sitasi Malaysia juga telah berjaya memainkan peranan penting dalam mengukuhkan hasil penyelidikan dan inovasi di IPT. Dalam konteks ini, ranking universiti sepatutnya bukanlah menjadi satu ukuran atau sandaran tunggal kepada kejayaan sesebuah institusi pengajian tinggi semata-mata tetapi banyak kejayaan-kejayaan lain yang perlu dinilai dan dilihat.

Namun begitu, kementerian juga akan terus mengukuhkan aspek akademik dan penyelidikan universiti melalui Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia atau SETARA dan Instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia atau MyRA untuk meningkatkan lagi kualiti IPT di negara ini. Kementerian Pendidikan Malaysia akan memberi perhatian kepada pandangan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar dan Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar berkaitan kerjasama dengan SME Bank dan kebolehpasaran

graduan. Kementerian sentiasa menggalakkan universiti menjalankan kerjasama dengan pihak industri termasuk GLC dalam menghasilkan penyelidikan yang produknya boleh dikomersialkan. Sehingga kini terdapat enam Pusat Kecemerlangan Industri Pengajian Tinggi atau HICoE dengan izin yang diwujudkan untuk menjalankan penyelidikan dalam pelbagai bidang yang boleh dikomersialkan seperti tenaga diperbaharui, kanser biometrik dan lain-lain. Selain itu, IPT juga digalakkan menjalankan kajian keperluan pasaran, mewajibkan latihan industri, kajian kemahiran insaniah dan memperkenalkan kurikulum baru yang boleh memenuhi dengan keperluan pembangunan modal insan negara. Di samping itu, program kebolehpasaran graduan juga telah dilaksanakan untuk meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah. Langkah ini diharapkan dapat membantu graduan berkenaan memperoleh pekerjaan yang sesuai dan relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, yuran pengajian ijazah sarjana muda di IPTA ditanggung oleh kerajaan adalah di antara 85 peratus hingga 90 peratus. Oleh itu, kementerian berpandangan kadar yuran IPTA sekarang adalah munasabah. Namun IPTA digalakkan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman seperti endowment atau wakaf supaya dapat membantu menyediakan lebih banyak bantuan kewangan kepada pelajar-pelajarnya yang kurang berkemampuan termasuk dari luar bandar. Pada masa yang sama, kementerian tidak bercadang menaikkan jumlah pembiayaan PTPTN kepada pelajar-pelajar IPTS yang mengikuti pengajian perubatan, pergigian dan farmasi seperti cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh. Ini kerana mereka menerima bantuan PTPTN jauh lebih tinggi iaitu antara RM20,000 hingga RM30,000 berbanding pelajar di IPTA yang mengikuti program yang sama iaitu sebanyak RM7,000 sebulan.

Sebagaimana Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar sedia maklum sebagai bekas pensyarah, IPTA tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta 605 iaitu Akta Badan-Badan Berkanun Tatatertib dan Surcaj. Jika terdapat dakwaan pelanggaran mana-mana peraturan, universiti boleh merujuk kepada kesalahan tatatertib dan melaksanakan prosiding berdasarkan akta itu. Dalam kes aduan terhadap Profesor Madya Dr. Mohd Ridhuan Tee berkaitan plagiarisme, pihak UPNM telah menubuhkan Jawatankuasa Etika Akademik bagi menjalankan siasatan lanjut dan terperinci mengikut prosiding yang telah ditetapkan.

Berhubung isu ancaman fahaman Syiah di IPT oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu, sehingga kini, tiada bukti jelas yang menunjukkan pelajar Iran telah menyebarkan kefahaman Syiah dalam kalangan pelajar IPT di negara ini. Semua IPT sedang memantau perkembangan bagi menghindarkan penularan fahaman Syiah dalam kalangan pelajar IPT. Pada masa yang sama, pihak kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak JAKIM, jabatan agama Islam negeri, KDN dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menangani isu ini secara bersepadu. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang menyentuh Kementerian Pendidikan Malaysia. Perkara-perkara yang dibangkitkan juga sebenarnya telah dibangkitkan oleh...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** [Bangun]

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Mohon Tuan Yang di-Pertua, hendak mencelah.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Yang mana satu Yang Berhormat?

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken:** Yang Berhormat Olian dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada membangkitkan berkenaan dengan keciciran yang begitu tinggi di kalangan pelajar-pelajar Orang Asli. Oleh sebab itu saya menyarankan beberapa cadangan, iaitu pertamanya, mengadakan insentif kepada guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah Orang Asli dan juga diperluaskan lagi Sekolah Rancangan K9 tetapi saya tidak mendapat penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada jawapankah?

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken:** Ada. Isu yang berkaitan dengan Orang Asli, saya akan rujuk kepada jawapannya ya. Jawapan saya Yang Berhormat, ada berkaitan dengan jumlah guru-guru dalam kalangan masyarakat Orang Asli adalah seramai 234 orang dan guru-guru Orang Asli ini terdiri daripada pelbagai opsyen yang bertugas di sekolah rendah dan sekolah menengah. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menyediakan peluang kepada anak-anak masyarakat Orang Asli yang mempunyai kelayakan akademik untuk mengemukakan permohonan mengikut bidang perguruan sekali gus menambah bilangan guru-guru Orang Asli sedia ada. Seramai 60 orang anak-anak Orang Asli sedang mengikuti kursus perguruan di bawah Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) di beberapa buah institusi pendidikan guru (IPG) di negara ini. Sebagai contoh, di IPG Kampus Tunku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang, terdapat seramai 49 orang guru pelatih Orang Asli sedang mengikuti kursus perguruan. Guru pelatih Orang Asli ini ditawarkan mengikuti kursus bagi opsyen pemulihan dan prasekolah. Sebilangan guru pelatih Orang Asli ini dijangka tamat pengajian mereka pada akhir tahun 2014. Jadi, peluang memang diberi kepada anak-anak Orang Asli. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi dua tadi hendak mencelah Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua perkara yang saya timbulkan yang tidak dijawab. Pertama ialah Pekeliling 11/2007 di mana guru-guru besar dan guru penolong diarahkan untuk masuk kelas mengajar. Guru besar lima waktu dan penolong guru besar saya rasa 15 waktu. Ini belum dijawab dan saya mohon penjelasan sama ada Pekeliling ini masih dilaksanakan atau Pekeliling ini telah ditarik balik dan diganti dengan Pekeliling yang lain. Perkara ini adalah mustahak kerana sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Satu lagi perkara ialah para pensyarah yang sudah mendapat PhD. Jumlah mereka yang belum dinaikkan pangkat kepada DG52 kerana kita hendak mengelak daripada ketidakpuasan hati dan brain drain, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan masa pengajaran untuk guru besar atau pengetua atau penolong kanan. Pada dasarnya, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) untuk memantau dan membuat pemeriksaan ke atas

semua sekolah bagi memastikan bahawa tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran di kalangan pendidik berada pada tahap yang terbaik. Kementerian sentiasa peka dan prihatin terhadap Surat Siaran Tanggungjawab Mengajar bagi pengetua dan guru besar sekolah yang dikeluarkan pada 22 Jun 1998 yang memberikan penekanan pengetua dan guru besar perlu mengajar sekurang-kurangnya lima waktu seminggu.

Walau bagaimanapun, sekiranya pihak Yang Berhormat mempunyai maklumat berkaitan dengan pentadbir yang melanggar arahan surat siaran berkenaan, bolehlah membuat laporan terus kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia supaya prosiding siasatan segera dijalankan untuk tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada satu lagi Yang Berhormat. Seorang lagi.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua. Ya, sebab dalam perbahasan saya, saya ada beberapa persoalan yang saya kemukakan kepada kementerian tetapi nama saya cuma sekali disebut berkenaan dengan SME Bank. Saya pun tidak tahu dengan usul-usul saya yang lain berkenaan dengan soalan-soalan saya. Yang pertama berkenaan dengan statistik guru-guru di sekolah rendah dan menengah kebangsaan yang mahir bertutur dan menulis dalam bahasa asing dan adakah sebarang insentif dari pihak kementerian untuk menggalakkan guru-guru untuk menguasai bahasa asing? Itu antara yang pertamanya. Kedua berkenaan dengan isu lambakan graduan pendidikan yang masih belum mendapat tempat di sekolah-sekolah awam. Saya juga memberikan cadangan, saya juga memohon pihak kementerian memaklumkan kepada Dewan, apakah status terkini berkenaan dengan graduan tersebut? Juga saya memberikan cadangan adakah kerajaan bercadang bekerjasama dengan pihak swasta untuk mengatasi permasalahan graduan pendidikan yang masih lagi belum mendapat tempat di perkhidmatan pendidikan?

Seterusnya pertanyaan saya juga ada berkenaan dengan pihak kementerian bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan untuk menganugerahkan guru-guru yang berkelayakan akademik seperti Ijazah Sarjana Muda, Sarjana atau Doktor Falsafah, iaitu berkenaan dengan cadangan saya untuk pihak kementerian mempertimbangkan tentang kenaikan hingga dua tangga gred gaji yang boleh dikategorikan sebagai Khas Untuk Penyandang (KUP) kepada guru-guru yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan pendidikan. Dalam itu juga saya ada menyentuh tentang tadbir urus yang berkesan berkenaan dengan pakej kerjaya guru yang perlu diselaraskan iaitu berkenaan dengan skala gaji mengikut pasaran terbuka dan tidak lagi berasaskan skala...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baharudin..

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang soalan Yang Berhormat bangkitkan itu tidak...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Ini semua dalam perbahasan saya yang saya persoalkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Belum berjawab?

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tidak dijawab. Soalan saya cuma dijawab sekali sahaja berkenaan dengan SME Bank. Itu sahaja yang direlatekan dengan perbahasan saya. Yang lain dalam perbahasan saya tidak ada apa-apa yang saya dapat jawapan. Jadi saya minta pihak

kementerian, mungkin pegawai penyidik pihak kementerian tidak ambil *note* dan sebagainya, saya pun tidak pasti. Akan tetapi saya perlukan jawapan inilah. Kalau boleh saya tidak hendak secara bertulis walaupun dibolehkan. Sebab, saya bercakap, dia ada dalam *hansard*. Jadi kalau boleh, biar Dewan ini dimaklumkan juga apa yang saya perbahaskan. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken:** Terima kasih dan saya akan jawab dan sekiranya tidak ada jawapan sekarang, saya akan menjawab secara bertulis jika diperlukan. Jadi berkaitan dengan statistik guru sekolah rendah dan sekolah menengah yang boleh bertutur atau menguasai bahasa asing- bilangan guru yang mengajar bahasa antarabangsa di sini adalah seramai 6,462 orang guru yang mengajar Bahasa Arab. Untuk Bahasa Arab qiraat SABK atau sekolah agama bantuan kerajaan, kita ada seramai 65 orang guru dan untuk bahasa Arab Tinggi seramai 267 orang guru, untuk bahasa Jepun kita mempunyai seramai 138 orang guru, bahasa Jerman seramai 23 orang guru dan bahasa Perancis seramai 60 orang guru. Jumlahnya...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya minta maaf, sekejap yang itu guru bahasa asing atau guru tempatan yang menguasai bahasa asing?

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Ini adalah bilangan guru yang mengajar bahasa antarabangsa.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Maksudnya guru tempatan? Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih. Berkaitan dengan graduan pendidikan yang belum ditempatkan. Pada masa ini pelantikan dan penempatan graduan pendidikan...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya minta maaf sebab soalan tadi itu tidak habis Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan penguasaan guru-guru yang menguasai bahasa asing tadi. Soalan saya dia ada berkaitan dengan ada tidak sebarang insentif yang diberikan oleh pihak kementerian untuk menggalakkan guru-guru dalam menguasai bahasa-bahasa asing ini untuk membolehkan kita lebih ada ramai lagi guru-guru yang boleh menguasai bahasa-bahasa asing. Maksudnya dari segi insentif.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Apa yang berkaitan dengan insentif, Kementerian Pendidikan Malaysia boleh anggap bahawa ini boleh dikaji dan disemak untuk dipertimbangkan. Ini kerana ini merupakan satu usaha yang sebenarnya dipuji. Terima kasih. Berkaitan dengan graduan pendidikan yang belum ditempatkan, pada masa ini pelantikan dan penempatan graduan pendidikan yang dilaksanakan berdasarkan kekosongan jawatan serta keperluan semasa kementerian. Bagi graduan pendidikan keluaran tahun 2012 sejumlah 10,715 pelantikan tetap sebagai PPPS DG41 telah diselesaikan, dilaksanakan pada 16 Mac 2013. Pelantikan ini adalah berdasarkan keputusan temu duga dan penilaian khas yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan atau SPP. Bagi mengekang kelebihan graduan pendidikan daripada berlarutan, Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan peajaran semula ambilan latihan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di IPTA dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga sedang menjalankan kajian unjuran keperluan dan bekalan serta dasar penempatan dan pertukaran guru dan kumpulan pelaksana. Kajian ini dimulakan pada bulan Februari tahun 2013 dan dijangka selesai pada Februari 2014. Antara

objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan guru daripada segi unjuran bekalan, penempatan dan pertukaran. Hasil kajian ini akan dapat membantu Kementerian untuk merangka serta menyusun strategi dan dasar baru berkaitan bekalan pelantikan dan penempatan graduan pendidikan IPTA dan IPGM. Berkaitan dengan skim atau pakej kerja guru dengan sistem terbuka dengan menawarkan gaji, perkara ini perlu diselaraskan dengan agensi-agensi pusat dan perkara ini boleh dikaji dengan teliti oleh pihak Kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya minta maaf sebab mungkin ada beberapa persoalan saya yang saya rasa tidak berapa jelas dari segi jawapan yang diberikan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi mungkin perkara ini saya terpaksa jugalah mengikut kepada peraturan mesyuarat mungkin boleh diberikan secara bertulis. Akan tetapi saya memintalah pihak Kementerian supaya melihat semula *hansard* saya mengenai persoalan dan juga cadangan-cadangan yang saya berikan kerana ada lima, enam. Saya rasa tidak *meet* dengan jawapan yang telah berikan. Jadi saya mohon supaya *check* balik *hansard* saya dan saya memerlukan jawapan tersebut secara bertulis dan saya minta di dalam Dewan ini supaya jawapan bertulis itu dimasukkan di dalam *hansard* juga. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya meminta pihak Kementerian teliti dengan cara terperinci *hansard*, butiran yang telah diucapkan semasa perbahasan Yang Berhormat Baharudin dan jawab secara bertulis.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi setakat ini sahaja yang dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang menyentuh Kementerian Pendidikan. Perkara-perkara yang dibangkitkan juga sebenarnya telah dibangkitkan dan telah dijawab secara lisan dan bertulis di Dewan yang mulia ini. Namun jika terdapat isu-isu yang tidak sempat dijawab ia akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, teguran dan sokongan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kecemerlangan pendidikan negara. Sekian, terima kasih dan salam hormat.